



● BIL 302 ● 21 - 27 FEBRUARI 2025 ● PP1944/12/2018 (035014)

# WILAYAHKU

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)



*Usaha membina*

## MISKIN BANDAR

▶▶ 2-3

Generasi sandwic  
menghimpit mental  
>> 9-11

Kuota haji perlu  
dikaji semula  
>> 15

Sukan pelaburan bentuk  
masyarakat sihat  
>> 22



Tingkat taraf hidup penduduk

# USAHA MENOKTAHKAN MISKIN

LAPORAN: AINI MAWAWI, AZLAN ZAMBRY, METRA SYAHRIL MOHAMED

**P**ROGRAM Usaha Jaya Insan (PUJI) di bawah inisiatif Upaya@PUJI, yang dilancarkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa telah menunjukkan hasil yang memberangsangkan dalam menangani kemiskinan bandar melalui pendekatan holistik.

Pensyarah Kanan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Dr Muhammad Mujaheed Hassan** berkata, program ini memberi tumpuan kepada penjaan pendapatan, pembangunan keusahawanan, perlindungan sosial, pendidikan, penjagaan kesihatan dan infrastruktur asas untuk meningkatkan keupayaan komuniti yang terdedah di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

"Keberkesanan Upaya@PUJI dalam menangani punca kemiskinan bandar dapat dilihat melalui pendekatan 'exit strategy' yang dirancang untuk mengeluarkan peserta daripada kemiskinan tegar secara tuntas menerusi beberapa penunjuk iaitu peningkatan pendapatan peserta yang sehingga September 2024, 30% peserta di Labuan berjaya mencapai pendapatan melebihi RM5,000 sebulan.

"Daripada 100 peserta yang layak melalui senarai eKasih, hampir 75% berjaya menambah dan menjana pendapatan baharu, menyumbang kepada peningkatan pendapatan isi rumah," katanya kepada Wilayahku pada Selasa.

Menjelas lanjut, Muhamad Mujaheed berkata, antara penunjuk adalah program tersebut berjaya mengurangkan kemiskinan tegar menerusi data pada April 2024, seramai 224 Ketua Isi Rumah (KIR) di Labuan, iaitu 63.46% daripada



MUJAAHEED



**ZALIHA** (tengah) ketika melancarkan Projek Dapur Digital yang merupakan antara program di bawah Program PUJI.

353 peserta Program Pembasmian Miskin Tegar yang dimulakan pada Disember 2023 telah berjaya keluar daripada situasi tersebut.

"Kejayaan ini menunjukkan bahawa pendekatan holistik dan kerjasama antara agensi Upaya@PUJI berkesan dalam meningkatkan taraf hidup komuniti miskin bandar di Wilayah Persekutuan.

"Namun, terdapat beberapa cabaran utama dalam pelaksanaan inisiatif ini seperti masalah kos sara hidup yang tinggi, akses kepada pendidikan berkualiti, kerjasama antara agensi dan pemantauan dan penilaian terhadap program yang dilaksanakan," katanya.

Menurut Muhamad Mujaheed,

untuk memastikan inisiatif ini bukan sekadar mekanisme bantuan kewangan jangka pendek, ia mestilah mampu mewujudkan mobiliti sosioekonomi jangka panjang bagi golongan miskin bandar menerusi beberapa pendekatan yang boleh dilaksanakan.

"Pendekatan berasaskan pembangunan kapasiti yang menekankan latihan kemahiran, keusahawanan dan peningkatan daya saing tenaga kerja. Selain itu, model 'exit strategy' yang jelas daripada bergantung kepada bantuan kewangan berkala yang membawa mereka ke tahap keupayaan sendiri.

"Kerajaan juga perlu menerapkan pembangunan ekosistem keusahawanan bagi memastikan golongan miskin bandar mempunyai akses kepada pinjaman mikro, bimbingan perniagaan dan

rangkainan pasaran. Selanjutnya, intervensi berasaskan komuniti dalam membantu kumpulan sasar membangun secara kolektif, menyediakan akses kepada perumahan dan infrastruktur mampan dan pemantauan serta penyesuaian polisi secara berterusan bagi menilai impak program ke atas mobiliti sosial penerima manfaat," katanya.

Beliau berkata, untuk menilai kesan sebenar Upaya@PUJI ke atas komuniti miskin bandar, gabungan penunjuk kuantitatif dan kualitatif harus digunakan dan program tersebut perlu disesuaikan berdasarkan data dan maklum balas peserta bagi memastikan keberkesanannya dalam meningkatkan mobiliti sosioekonomi.

"Penunjuk ini mengukur perubahan secara statistik dan boleh dibandingkan dalam tempoh tertentu menerusi kesejahteraan ekonomi dan pekerjaan iaitu perbandingan pendapatan isi rumah sebelum dan selepas program, kadar kestabilan pekerjaan dan bilangan peserta yang naik taraf daripada pekerjaan bergaji rendah kepada pekerjaan lebih berkemahiran dan bergaji tinggi.

"Selain itu, bagi program keusahawanan dan akses kepada modal untuk melihat jumlah peserta yang berjaya memulakan perniagaan selepas menerima sokongan modal dan latihan serta peratusan perniagaan yang masih beroperasi selepas satu hingga tiga tahun termasuklah kategori pendidikan dan latihan kemahiran serta taraf hidup dan akses kepada kemudahan asas," katanya.

Beliau berkata, kerjasama Upaya@PUJI dengan agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan lain-lain dapat memperkukuhkan impak program terhadap masyarakat.

"Penyelarasan antara agensi sangat penting kerana setiap agensi mempunyai program tersendiri yang mungkin bertindih atau tidak selari dengan objektif utama Upaya@PUJI.

"Kesan kerjasama dengan agensi tersebut mampu meningkatkan akses kepada bantuan dan perkhidmatan serta gabungan kepakaran dan sumber, setiap agensi dapat menyokong Upaya@PUJI dengan lebih menyeluruh serta dapat menyediakan sokongan berterusan untuk keluar daripada kemiskinan.

"Ia juga dapat mengelakkan pertindihan program dan pembaziran sumber kerana sesetengah peserta mungkin mendapat bantuan yang sama dari pelbagai agensi, manakala yang lain tidak mendapat apa-apa," katanya.



## Raih RM1,500 hingga RM10,000 bersih

**DALAM** usaha mengangkat martabat warga Wilayah Persekutuan, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) telah berjaya mengumpulkan kira-kira 1,821 peserta program pendayaupayaan dan penjaan pendapatan di bawah Upaya@PUJI yang mahu mengubah kehidupan sekali gus keluar daripada kepompong kemiskinan.

Menurut JWP, keutamaan peserta adalah dari dalam kalangan mereka yang berdaftar dengan eKasih (miskin dan miskin tegar) serta golongan rentan seperti suri rumah, ibu tunggal dan sebagainya.

"Program-program yang dilaksanakan adalah kolaborasi strategik JWP bersama agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, syarikat swasta dan sebagainya dalam usaha meningkatkan kemahiran diri peserta seterusnya membantu mereka menjana pendapatan sama ada melalui aktiviti perniagaan, keusahawanan atau penempatan kerjaya," katanya kepada Wilayahku.

Katanya, antara jenis-jenis latihan pendayaupayaan yang dilaksanakan setakat ini adalah seperti penyediaan makanan, jahitan dan sulaman,

pendawaian, asuhan kanak-kanak, seni kreatif dan dandan rambut.

"Modul latihan ini akan diperluaskan pada masa hadapan bergantung kepada minat peserta dan potensi perniagaan atau pasaran kerja yang ditawarkan dalam bidang berkenaan," katanya.

Menurut JWP, sehingga kini, kira-kira 391 peserta berjaya melengkapkan pelbagai jenis program dan latihan di bawah Upaya@PUJI dan mereka bukan sahaja berjaya menjana pendapatan sendiri melalui perniagaan malah turut menerima tawaran pekerjaan

dalam bidang seni kreatif, dandan rambut, perkhidmatan pendawaian dan sebagainya.


"Hasil pendapatan bersih mereka antara RM1,500 hingga RM10,000 bergantung kepada kesungguhan mereka menjalankan perniagaan," katanya.

Menurut JWP, pihaknya bersama pelbagai rakan strategik sentiasa memantau perkembangan peserta dari semasa ke semasa serta menyediakan khidmat mentor bagi memastikan mereka bermotivasi dan kekal sehingga tamat program.

"Bagi peserta-peserta yang tidak

dapat meneruskan program kerana masalah kesihatan dan faktor umur, mereka akan diberikan keutamaan bagi menerima bantuan tunai yang bersesuaian daripada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan sebagainya.

"Bagi peserta lain, mereka diberikan peluang untuk meneroka bidang lain yang lebih sesuai dengan minat dan keadaan semasa," katanya.

Tambahnya, Program PUJI terbukti melahirkan usahawan kecil yang berjaya menjana pendapatan secara berterusan. 





SUARA golongan miskin bandar perlu diambil kira dalam perancangan program pembasmian kemiskinan.

Tingkat taraf hidup penduduk

# LAKSANA PENDEKATAN 'BAWAH KE ATAS'

**P**ENDEKATAN yang dilaksanakan secara bawah ke atas (*bottom up*) dalam memperkasakan komuniti miskin bandar di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan menerusi Program Usaha Jaya Insan (PUJI) di bawah kluster Upaya@PUJI perlu disokong dengan strategi menyeluruh merangkumi pendidikan, kesihatan, pekerjaan, perumahan dan penyelarasan antara agensi.

Pengarah Pusat Kajian Pembangunan Ungku Aziz (UAC) Universiti Malaya (UM), **Profesor Datin Sri Dr Suhaiza Hanim Mohamad Zailani** menyifatkan inisiatif yang dipimpin Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa sebagai langkah yang baik kerana ia memberi ruang kepada komuniti untuk memainkan peranan aktif dalam pembangunan mereka sendiri.

"Pendekatan ini penting untuk memastikan penyelesaian yang dirancang benar-benar selari dengan keperluan dan realiti masyarakat setempat. Daripada program-program komuniti yang dijalankan oleh kami di UAC, kami menggunakan model penglibatan komuniti seperti Model Asset-Based Community Development (ABCD) yang menekankan penggunaan aset dan sumber sedia ada dalam komuniti untuk membina keupayaan mereka.

"Selain itu, Participatory Action Research (PAR) juga diterapkan di UAC bagi membolehkan komuniti bukan sahaja menjadi penerima manfaat tetapi juga terlibat dalam kajian dan pelaksanaan program secara aktif," katanya kepada Wilayahku pada Rabu.

Jelas beliau, isu kemiskinan bandar tidak hanya melibatkan kekurangan

pendapatan tetapi juga aspek kesihatan, pendidikan dan keadaan hidup.

"Jika inisiatif Dr Zaliha hanya tertumpu pada pemberian bantuan kewangan atau barangan, ia tidak mencukupi untuk menangani punca sebenar kemiskinan kerana mengukur kemiskinan perlu menyeluruh kerana ia multidimensi.

"UAC telah menjalankan penyelidikan MPI dan maka itu langkah tambahan yang boleh dicadangkan termasuk Pembangunan Ekonomi Berteraskan Komuniti yang menyediakan program latihan kemahiran dan keusahawanan yang sesuai dengan keperluan industri tempatan.

"Kami juga mencadangkan supaya dilaksanakan intervensi pendidikan berstruktur dengan pemberian biasiswa, kelas tambahan dan program bimbingan untuk membantu anak-anak keluarga miskin keluar daripada kitaran kemiskinan, akses kesihatan

dan pemakanan demi memastikan kesejahteraan komuniti miskin serta dasar Perumahan Mampu Milik yang berusaha meningkatkan akses kepada perumahan selesa dengan harga yang berpatutan bagi mengelakkan kemiskinan berulang akibat kos sara hidup tinggi," katanya.

Beliau berkata, untuk memastikan reformasi ini berkesan, ia perlu digabungkan dalam satu dasar holistik yang diselaraskan melalui pelan tindakan kemiskinan bandar jangka panjang yang melibatkan semua pihak berkepentingan.

"Antara reformasi yang boleh dilaksanakan adalah memastikan koordinasi antara agensi untuk mengelakkan pendekatan terasing




dengan Penubuhan Pusat Koordinasi Kemiskinan Bandar (PKKB) sebagai platform utama untuk komunikasi dan penyelarasan inisiatif antara semua pihak berkepentingan.

"Penggunaan Sistem Pangkalan Data Bersepadu bagi memastikan semua bantuan dan intervensi direkodkan dengan telus dan mengelakkan pertindihan bantuan dan mesyuarat berkala antara agensi bagi menyelaraskan matlamat dan menyesuaikan strategi berdasarkan keperluan semasa," katanya.

Beliau berkata, bagi memastikan program ini bergerak di landasan yang tepat, suara golongan miskin bandar perlu diambil kira dalam perancangan program pembasmian kemiskinan bagi memastikan ia benar-benar memenuhi keperluan mereka.

"Mekanisme yang boleh digunakan adalah dengan mengadakan Majlis Perwakilan Komuniti Miskin Bandar (MPKMB) iaitu sebuah badan yang dianggotai oleh wakil komuniti miskin untuk menyuarakan keperluan dan cadangan mereka secara langsung kepada pembuat dasar.

"Menerusi platform tersebut, menteri boleh menganjurkan sesi dialog dan konsultasi terbuka yang berfungsi untuk menerima dan memberikan maklum balas secara terus, membina platform digital untuk masyarakat menyuarakan masalah dan cadangan mereka secara *real-time* menerusi aplikasi dan melaksanakan kajian secara berkala untuk menilai impak bantuan dan memperbaiki kelemahan yang ada," katanya. 

## Pendidikan mampu ubah nasib

**HAMPIR** empat dekad membantu golongan memerlukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, kini Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) terus komited dalam merealisasikan misi dan visi untuk meningkatkan taraf hidup penduduk.

Malah, sebagai sebuah yayasan yang kukuh serta mampu menjana dan menguruskan dana dengan cekap dan efektif, YWP turut menyahut seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk menoktahkan miskin tegar serta membasmi kemiskinan.

Buktinya, YWP terus menjalankan objektifnya berdasarkan perkhidmatan dan gerak kerja yang tertumpu kepada lima kluster utama iaitu Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T).

Mengulas tentang usaha yang dijalankan, Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif YWP, **Dr Abdul Basir V Kunhimohamed** berkata, bidang pendidikan dan sosial merupakan fokus utama YWP kerana ia mampu membawa seseorang itu keluar daripada kepompong kemiskinan.

"Pendidikan merupakan perkara penting yang perlu dimulai sedari awal lagi sejak zaman kanak-kanak kerana melaluinya seseorang pelajar itu mampu mengubah hidup serta tidak mewarisi kemiskinan keluarga pada masa hadapan.

"Jadi, kami di YWP sentiasa membantu golongan pelajar dengan menyediakan pelbagai bantuan serta program agar mereka tidak tercicir sekali gus mampu berjaya sama seperti pelajar-pelajar daripada kalangan keluarga yang berada di atas paras garis kemiskinan," ujar beliau kepada Wilayahku.




**ABDUL BASIR**

Mengulas lanjut, Abdul Basir berkata, antara bantuan yang diberikan adalah Bantuan Awal ke IPT, Dermasiswa IPTA, Dermasiswa Sekolah Rendah dan Menengah serta Dermasiswa Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

"Misalnya Dermasiswa TVET, maksimum RM10,000 per pelajar termasuk pembiayaan yuran, elaun harian dan jaminan pekerjaan," ujarnya.

Tambahnya, YWP juga turut mengukur impak jangka panjang program terhadap keadaan sosioekonomi penerimanya melalui keputusan akademik penerima biasiswa, kadar penempatan pekerjaan bagi penerima bantuan TVET, keberkesanan bantuan makanan sekolah dalam meningkatkan kehadiran pelajar ke sekolah dan maklum balas daripada penerima bantuan dan pihak sekolah atau Institut Pengajian Tinggi (IPT).

YWP turut menyalurkan Bantuan Khas Pertubuhan dan Persatuan, sebanyak RM2,000 setahun untuk badan bukan kerajaan (NGO), dengan kelulusan khas sehingga RM100,000; Skim Khairat Kematian sebanyak RM1,000 bagi ahli sedia ada. Skim Prihatin YWP serta Bantuan Anak orang kurang upaya (OKU) iaitu 50 peratus daripada kos yuran, maksimum RM500 sebulan. 





# Anwar tegas soal agama Islam

**DAKWAAN** netizen kononnya Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan mengikut telunjuk Ahli Parlimen Raub, Chow Yu Hui, yang mewakili kaum Cina adalah tuduhan biadap.

Ini susulan cadangan Chow untuk memecahkan portfolio Menteri Hal Ehwal Agama bagi mewujudkan suatu portfolio untuk hal ehwal bukan Islam.

Usah cepat melatah kerana cadangan tersebut tidak dipersetujui oleh Jemaah Menteri.

Anwar berkata, cadangan Chow di Dewan Rakyat tempoh hari adalah 'suara peribadi'.

"Tidak dipersetujui oleh mana-mana dalam kerajaan, apa lagi dalam jemaah Menteri," katanya kepada pemberita di Masjid As-Salam, Puchong, seusai solat Jumaat, baru-baru ini.

Cadangan memecahkan portfolio Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini menyusuli kontroversi cadangan mewujudkan garis panduan kepada umat Islam yang menghadiri majlis perayaan orang bukan Islam.

Chow mengajukan saranan itu di Dewan Rakyat pada Rabu, ketika membahaskan titah diraja.

Menyeru Kerajaan Persekutuan mencontohi beberapa kerajaan negeri yang mempunyai EXCO hal ehwal bukan Islam, beliau percaya menteri hal ehwal agama Islam dan bukan Islam akan dapat



**ANWAR bersama jemaah usai menunaikan solat Jumaat di Masjid As-Salam, Puchong Perdana, Selangor.**

berkomunikasi secara mendalam bagi mengelakkan sebarang kontroversi, selain memastikan pengurusan agama yang adil.

Cadangan tersebut bagaimanapun dikritik oleh pemimpin-pemimpin UMNO, Amanah dan PKR yang merupakan parti pemerintah.

Datuk Mohd Isam Mohd Isa (BN-Tampin) juga menyifatkan pendirian Anwar serta Jemaah Menteri berhubung perkara itu adalah tepat.

Bagaimanapun beliau berkata, terdapat keperluan bagi

mewujudkan garis panduan tertentu demi memastikan akidah umat Islam sentiasa terpelihara.

"Sememangnya ada keperluan besar, jika tidak untuk diri saya, mungkin juga diperlukan oleh pegawai saya untuk membuat susun atur dan sebagainya.

"Saya bukan mahu memandag rendah mengenai akidah umat Islam di negara ini. Namun saya berpandangan, menerusi garis panduan ini, kefahaman umat Islam mengenai agama lain akan lebih jelas serta memperkukuhkan lagi

hubungan antara kaum di negara ini," katanya.


Beliau berkata demikian ketika sesi perbahasan Usul Menjunjung Kasih atas Titah Diraja di Dewan Rakyat, baru-baru ini.

Sementara itu, Mohd Isam menyifatkan gesaan segelintir wakil kerajaan supaya Akta Anti Diskriminasi kaum digubal tidak bermakna jika terdapat pihak yang tidak menghormati Perlembagaan Persekutuan.

Beliau berkata, penggubalan apa-apa akta berkaitan Anti Diskriminasi juga tidak akan mencapai matlamat sekiranya Islam sebagai agama Persekutuan tidak dihormati.

"Apa gunanya penggubalan akta Anti Diskriminasi kaum sekiranya kamu sendiri (Ahli Parlimen) gagal untuk menghormati dan mengiktiraf Perlembagaan yang meletakkan kedudukan istimewa orang Melayu serta Islam sebagai agama Persekutuan," katanya.

Terdahulu, kerajaan dilaporkan memaklumkan tiada keperluan untuk menggubal atau memperkenalkan undang-undang baharu seperti Akta Anti Diskriminasi kaum ketika ini.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, dilaporkan berkata peningkatan aktiviti penguatkuasaan undang-undang sedia ada sudah memadai bagi memastikan hubungan antara kaum sentiasa terpelihara. 

PETRONAS, PETROS bergerak serentak

# PM ADA STRATEGI SUSUN KEMAJUAN NEGARA

**TULAR** tuduhan tidak berasas dalam media sosial mendakwa Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sengaja 'usik' Petroliam Nasional Bhd (PETRONAS) demi meraih sokongan Sarawak.

Ada dakwaan kononnya Anwar perlu melaksanakan hal itu kerana Sarawak mahu tarik diri daripada blok kerajaan. Disebabkan itu juga, Anwar didakwa menjadi punca seramai 16,000 pekerja PETRONAS akan diberhentikan susulan kerjasama syarikat minyak nasional itu dengan Petroleum Sarawak Bhd (PETROS) di Sarawak.

Jangan cepat menuduh. Ini kerana Anwar mempunyai strategi tersendiri demi kemajuan negara.

Anwar berkata, hasrat itu dipaparkan menerusi Ordinan Pengalihan Gas 2016 (Pindaan) (DGO) dan berkuat kuasa pada 1 Mac 2025.

"DGO dibaca sekali dengan Akta Kemajuan Petroleum 1974 (PDA), maka PETROS (Petroleum Sarawak Bhd) berperanan sebagai agregator



di Sarawak," kata beliau pada Sesi Penerangan Perdana Menteri di Dewan Rakyat, baru-baru ini.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, peranan itu tetap mengesahkan kelulusan sebelumnya kepada PETRONAS dan anak-anak syarikatnya.

"Ini bermakna PETRONAS akan mengekalkan semua perjanjian (obligasi berkontrak) domestik dan antarabangsa yang sedia ada," kata Anwar.

Di bawah ordinan itu, PETROS dijamin memperoleh gas asli sehingga 1.2 bilion kaki padu sehari untuk keperluan domestik Sarawak dengan jaminan penambahan berdasarkan keperluan berikutnya.

Perdana Menteri berkata, PETROS juga berhak meluaskan kegiatan yang baharu dan memanfaatkan kerjasama dengan PETRONAS.

"PETRONAS dan PETROS akan bergerak sederap (serentak) sebagai rakan bagi menjamin kepentingan dan hasil negara serta kepentingan negeri Sarawak dan segala rundingan terperinci berikutnya akan mengekalkan manfaat dan kepentingan bersama mengikut prinsip komersial secara telus," kata beliau.

Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri Sarawak juga, kata beliau, turut mengiktiraf Akta PDA 1974 sebagai Akta Persekutuan seperti yang tertera dalam peruntukan undang-undang.

Dalam pada itu, Anwar berkata, PETRONAS telah menyempurnakan tugas dengan menjamin pengalihan kepada semua negeri.

Merujuk Sarawak, beliau berkata, manfaat pembangunan industri minyak dan gas di Sarawak merangkumi pelaburan hulu dan


infrastruktur berjumlah melebihi RM280 bilion sejak 1976.

"Daripada jumlah pelaburan hulu tersebut, dianggarkan lebih RM90 bilion nilai kontrak yang dibelanjakan dalam tempoh 10 tahun lepas (2014-2024).

"Syarikat vendor berdaftar dari Sarawak telah mendapat kontrak melebihi RM40 bilion dalam tempoh sama," kata beliau.

Dari segi pulangan kewangan, beliau berkata, Sarawak telah menerima bayaran tunai sebanyak RM49 bilion (sehingga Disember 2024) bagi sumber petroleumnya serta bayaran cukai jualan sebanyak RM18.66 bilion sehingga suku ketiga 2024.

Sarawak turut memperoleh dividen sebanyak RM28.6 bilion sehingga Disember 2024 melalui pegangan saham 'State Financial Secretary of Sarawak' (SFS) dalam Syarikat Kumpulan MLNG.

SFS merupakan sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah State Financial Secretary (Incorporation) Ordinance, 1948. 

## MENARIK WILAYAHKU



### KUALA LUMPUR

**17/2 - 16/4/25:** Pameran Mengenang Asal Usul: Menyingkap Naratif Budaya @ Jabatan Muzium Malaysia

**23/2/25:** Larian Tenaga Lestari Tahun 2025 @ Dataran DBKL

**27/4/25:** OCBC Cycle KL 2025 @ Dataran Merdeka

**23/5 - 1/6/25:** Pesta Buku Antarabangsa @ PWTC



### PUTRAJAYA

**22/2/25:** Putrajaya Mini Bird Race 2025 @ Taman Botani Putrajaya

**22/2/25:** FT GORO / FT Bloom @ sekitar Putrajaya

**23/2/25:** Pertandingan Seni Suara Merbok dan Terukur Putrajaya @ Taman Wetland Putrajaya



### LABUAN

**21 - 23/2/25:** Karnival Wilayah Persekutuan Kita @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

**22/2/25:** Program Bersih-KAL WP @ Tempat Letak Kereta Medan Selera

**26 - 30/7/25:** Borneo Flora Festival @ Labuan 2025 @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

## TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM): **999**

Talian Kasih KPWK: **15999**

Cyber 999: **1-300-88-2999 / 019-266 5850**



**D**UA penggal bergelar wakil rakyat bagi Parlimen Kluang, Yang Berhormat (YB) **WONG SHU QI** mahu melihat kawasan diwakilinya itu membangun, selaras dengan pengumuman kerajaan mengenai Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ).

Malah beliau juga beriltizam menjadikan Kluang sebagai kawasan sejahtera untuk didiami penduduknya, selain menyelesaikan pelbagai masalah terutama banjir kilat dan kesesakan lalu lintas.

Menjelang Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2026 pula, Kluang baginya perlu dipetakan menjadi salah satu destinasi pelancongan utama negara.

Begitu antara iltizam beliau yang diceritakan melalui temu bual bersama wartawan Wilayahku, **METRA SYAHRIL MOHAMED** baru-baru ini.

**Dilantik sebagai Pengerusi Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) sejak Jun 2024, bagaimana kemajuan dicapai oleh agensi itu dalam memperkasa bakat tempatan?**

Program memperkasa bakat tempatan merupakan misi penting dalam setiap inisiatif TalentCorp. Antara kemajuan yang dicapai adalah kami memulakan pembangunan bakat sejak di bangku sekolah lagi. Untuk itu TalentCorp telah melancarkan Program 'Rock the School' yang menyasarkan pelajar sekolah menengah dan universiti. Tujuan utama kita hanya satu agar mereka lebih terdedah kepada dunia kerjaya masa depan.

**Dengan anggaran 620,000 pekerjaan dijangka terjejas susulan impak penggunaan kecerdasan buatan (AI), bagaimana TalentCorp mampu memainkan peranan untuk mengurangkan impak tersebut atau membangunkan kemahiran pekerja agar bersesuaian dengan teknologi semasa?**

TalentCorp telah diberi mandat oleh Menteri Sumber Manusia, Steven Sim untuk memainkan peranan sebagai 'think tank' bagi Kementerian Sumber Manusia (KESUMA). Kami akan meneruskan kajian fasa kedua mengenai impak kecerdasan buatan, tenaga hijau dan pendigitalan terhadap tenaga kerja negara.

Laporan ini bertujuan membantu agensi kerajaan, industri dan pekerja kita menjangka langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengharungi cabaran teknologi masa hadapan.

**Apa pengajaran utama yang YB peroleh melalui pembentukan Kerajaan Perpaduan selama ini?**

Dalam tempoh dua tahun ini, kami, parti-parti yang membentuk Kerajaan Perpaduan perlu mencari faktor persekutuan terbesar, walaupun dalam keadaan yang



SHU QI (dua dari kiri) ketika menyampaikan anugerah sempena Majlis Anugerah Apresiasi Kecemerlangan Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Mengkibol, Kluang.

# MEMBANGUN KLUANG MELALUI JS-SEZ, TMM2026

paling mencabar, sekiranya kita mahu negara maju jaya.

**Namun begitu, Kerajaan Perpaduan sering kali diuji dan berdepan pertikaman lidah sesama sendiri. Apakah ia dianggap normal atau begitulah amalan demokrasi apabila semua pihak terbuka memberikan pandangan masing-masing?**

Negara kita kini berada dalam fasa perkembangan politik yang unik dalam sejarah. Apa yang berlaku sekarang merupakan ujian dan pengajaran berharga bagi generasi akan datang dalam membentuk sistem demokrasi negara.

Oleh itu, saya tidak melihat segala pertikaman lidah secara negatif, sebaliknya, ia merupakan pengalaman yang perlu kita pelajari untuk memantapkan sistem politik kita pada masa hadapan.

**Baru-baru ini kerajaan mengumumkan mengenai Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) susulan lawatan rasmi Perdana Menteri Singapura, Lawrence Wong ke Malaysia. Bagaimana manfaatnya bagi kawasan Kluang?**

Walaupun Parlimen Kluang tidak termasuk dalam Zon Ekonomi Khas JS-SEZ, kami tetap akan menerima manfaat limpahan ekonomi dari zon tersebut.

Industri-industri yang kurang sesuai untuk JS-SEZ dari segi kos operasi atau faktor lain akan mencari lokasi alternatif.

Oleh itu, Kluang merupakan salah satu kawasan yang akan terima manfaat memandangkan kami adalah bandar sekunder paling dekat dengan JS-SEZ.

**Kluang merupakan antara kawasan di Johor yang sering terlibat banjir termasuk banjir kilat. Bagaimana Kluang hendak maju seiring dengan JS-SEZ jika masalah banjir tidak mampu diselesaikan secara konsisten dan lestari?**

Faktor banjir bukanlah halangan utama kepada perkembangan kawasan Kluang atau JS-SEZ. Walau bagaimanapun isu banjir perlu ditangani melalui projek tebatan banjir berkonsep bandar span supaya harta rakyat kita dilindungi.

**Baru-baru ini Menteri Besar, Datuk Hafiz Ghazi berkata Kerajaan**

**Negeri Johor akan memastikan masalah 'tidak cukup' air yang berlaku di Johor termasuk daerah Kluang tidak lagi berulang. Apa cadangan atau pandangan YB dalam isu ini?**

Sebenarnya, isu bekalan air di Parlimen Kluang telah diselesaikan melalui pengoperasian loji rawatan air (LRA) Kahang. Namun beberapa kawasan tinggi di sekitar bandar Kluang masih mengalami masalah bekalan air akibat tekanan air, terutamanya pada musim perayaan.

Untuk menyelesaikan masalah ini, kerajaan negeri perlu membina menara tangki baharu dan penggantian aset air lama.

**Bagaimana pula dengan isu kesesakan yang kerap berlaku di pusat bandar Kluang, khususnya di persimpangan Jalan Ayer Hitam, Jalan Mengkibol, Jalan Station dan Jalan Mersing? Sudahkah ia diatasi sebaik-baiknya?**


Isu kesesakan lalu lintas dijangka timbul semasa pembangunan bandar yang serentak dengan fenomena peluasan kawasan bandar. Masalah ini tidak akan diselesaikan selagi kita mengizinkan

fenomena tersebut berlaku.

Sebagai wakil rakyat yang prihatin terhadap isu-isu bandar, saya berpendapat kita perlu memberi tumpuan kepada pemanfaatan sepenuhnya taman perumahan, infrastruktur dan bangunan awam di pusat bandar yang masih tidak digunakan secara optimum.

**Akhirnya, bagaimana persiapan Kluang dalam aspek Tahun Melawat Malaysia 2026? Apa yang hendak ditonjolkan Kluang sebagai destinasi pelancongan?**

Selain usaha Pejabat Daerah dan Majlis Perbandaran Kluang dalam menyenaraikan tempat-tempat pelancongan di Kluang, pejabat saya juga telah memulakan kerja penyediaan maklumat sejak 2021.

Kami akan mempamerkan semua maklumat ini melalui terbitan cetak dan digital. Sebagai contoh, Kluang sebuah bandar sekunder yang dekat dengan alam semula jadi iaitu Gunung Lambak terletak tepat di tengah-tengah pusat bandar. Kami telah mencetak risalah yang memperkenalkan flora, fauna dan haiwan liar di Gunung Lambak. 





DELEGASI Unicef yang diketuai Robert Gass mengadakan kunjungan dan pertemuan dengan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif bersama dengan pegawai kanan DBKL.

## Projek perintis bantu tangani malnutrisi kanak-kanak RM5 JUTA UNTUK PPR

AZLAN ZAMBRY

**K**ELUARGA yang sedang bergelut dengan kos sara hidup dan mendiami di Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) kos rendah Kuala Lumpur akan menerima sokongan kewangan dan sosial menerusi projek perintis *Cash Plus*.

Inisiatif sebanyak RM5 juta oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan kerjasama Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) untuk menangani kemiskinan dan kekurangan zat makanan dalam kalangan kanak-kanak.

Menurut wakil UNICEF ke Malaysia, **Robert Gass**, inisiatif itu disokong oleh Kementerian Kewangan di bawah Belanjawan 2025, bertujuan membantu keluarga miskin di Kuala Lumpur dengan menggabungkan bantuan kewangan dan perkhidmatan penting yang memfokuskan kanak-kanak.

"Perkongsian penting dengan DBKL ini menjangkau lebih daripada sekadar menyediakan bantuan kewangan. Dengan menyepadukan perkhidmatan penting, kami menangani kemiskinan

dan kekurangan zat makanan kanak-kanak, memastikan kanak-kanak berkembang maju dalam persekitaran yang selamat.

"Kami berharap model ini dapat membuka jalan untuk sosial berfokuskan program perlindungan kanak-kanak untuk masa hadapan di Malaysia," katanya ketika memetik laporan UNICEF selepas mengadakan kunjungan terhadap Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif baru-baru ini.

Robert berkata, projek perintis ini adalah langkah penting ke arah memastikan setiap kanak-kanak di Kuala Lumpur menerima pemakanan, penjagaan dan pendidikan yang diperlukan untuk membesar.

"UNICEF kekal komited untuk bekerjasama dengan DBKL dan rakan kongsi bagi skala penyelesaian yang berkesan untuk kanak-kanak yang terjejas oleh kemiskinan," katanya.


Sehingga kini, kira-kira 150,000 rakyat Malaysia tinggal di perumahan awam di Kuala Lumpur sekali gus membentuk

kumpulan terbesar penduduk miskin bandar di Malaysia.

Inisiatif Perintis Cash Plus dibina berdasarkan kajian *Living on the Edge UNICEF*, yang menyerlahkan kemiskinan berterusan, keterjaminan makanan dan halangan kepada pendidikan dalam kalangan kanak-kanak berpendapatan rendah.

"Walaupun pemulihan ekonomi, 95% kanak-kanak PPR masih hidup dalam kemiskinan relatif dan separuh makan kurang dari tiga kali sehari.

"Peningkatan kos, kekangan kewangan dan kekurangan jaringan keselamatan sosial menyebabkan keluarga mengalami tekanan yang teruk," katanya.

Projek perintis Cash Plus direka untuk melengkapkan program bantuan tunai sedia ada seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) dengan mengintegrasikan bantuan tunai kepada kanak-kanak berumur sehingga lima tahun dengan perkhidmatan berasaskan komuniti tambahan. 

## DBKL belum laksana kajian

**SEBARANG** inisiatif pencalonan kampung tradisi Kuala Lumpur sebagai Tapak Warisan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) memerlukan kajian mendalam melibatkan kriteria teknikal dan impak sosial bagi memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh UNESCO.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** berkata, fokus utama kerajaan ketika ini adalah untuk memastikan pelaksanaan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040) dapat diterjemahkan dengan baik menerusi perancangan pembangunan dan usaha penaiktarafan kampung-kampung di Kuala Lumpur secara berterusan.

"Buat masa ini masih belum ada sebarang kajian atau keputusan untuk mencalonkan mana-mana kampung di ibu negara sebagai Tapak Warisan UNESCO," katanya.

Zaliha berkata demikian dalam sesi jawapan bertulis di Dewan Rakyat pada Selasa.

Beliau memberitahu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebagai pentadbir bandar raya masih belum mengenal pasti atau menjalankan kajian untuk mencalonkan mana-mana kampung tradisi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai Tapak Warisan UNESCO.

"PSKL2040 telah

mengklasifikasikan sebanyak 37 buah kampung di Kuala Lumpur kepada tiga kategori utama iaitu Kampung Tradisi, Kampung Potensi Pembangunan dan Kampung Biasa.

"Kampung Tradisi merujuk kepada kawasan yang masih mengekalkan identiti perkampungan Melayu dan berpotensi diurus sebagai perkampungan dalam bandar.

"Perancangan bagi kawasan ini disokong dengan garis panduan reka bentuk, ketinggian bangunan dan persekitaran untuk mengekalkan warisan budaya," katanya.

Zaliha berkata, Kampung Potensi Pembangunan telah ditetapkan sebagai zon pembangunan dengan kawalan tertentu bagi memastikan keseimbangan antara pembangunan dan pemilihan aset oleh penduduk setempat.

"Manakala Kampung Biasa pula tertumpu kepada usaha menaik taraf infrastruktur serta mengindahkan persekitaran melalui elemen reka bentuk bandar dan landskap," katanya.

Sehubungan itu, Zaliha berkata bahawa kerajaan akan terus memperkasakan perkampungan di ibu negara dengan perancangan pembangunan yang mampan, sambil memastikan nilai warisan dan kepentingan komuniti setempat terus terpelihara.



## Perindah lobi lif PA

**WARGA** Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) bakal memperoleh geran sebanyak RM300 bagi setiap tingkat bagi membantu dalam memperindah lobi lif.

Dana yang diperuntukkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) itu membantu penduduk mengindahkan sekurang-kurangnya 1,028 tingkat atau 30 peratus lobi lif di semua 64 PPR dan PA di bawah bidang kuasanya tahun ini.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif** berkata, usaha itu adalah sebahagian daripada program pengindahan lobi lif perumahan awam menggalakkan gaya hidup bersih, sihat dan kreatif dalam kalangan penduduk PPR/PA.

"DBKL akan menyediakan RM300 kepada setiap tingkat yang menyertai program ini bagi membantu penduduk membeli bahan yang diperlukan untuk membersihkan dan menghias lobi," katanya kepada pemberita di PPR Muhibbah di Bukit Jalil pada Sabtu lalu.

Maimunah berkata, program tersebut berupaya memupuk perpaduan dalam kalangan jiran dan meningkatkan peranan mereka untuk memulihara dengan baik kemudahan yang telah disediakan.

"la dilihat dapat mengurangkan kos penyelenggaraan lif DBKL, yang semua sedia maklum sangat tinggi.

"Selain itu, menggalakkan semangat kekitaan dalam kalangan penduduk memandangkan lif tersebut bukan milik DBKL


sebaliknya milik penduduk," katanya.

Maimunah berkata program itu dilaksanakan dalam tiga fasa, dengan persiapan perancangan dan kerja logistik akan dilaksanakan pada suku pertama tahun ini.

"Kita tidak mahu lobi lif hanya sekadar ceria malah aktiviti pengindahan lobi lif akan berlangsung pada suku kedua.

"Selepas itu, pada penghujung tahun ini, tahap kebersihan dan keceriaan serta yang terhasil daripada program ini akan dinilai," katanya.

Sementara itu, Datuk Bandar berkata PPR Kampung Muhibbah merupakan satu daripada tiga PPR yang dipilih untuk projek perintis program pengindahan itu.

"Dua lagi ialah PPR Beringin dan PPR Sungai Bonus," ujarnya. 



MAIMUNAH (tengah) beramah mesra dengan penduduk di lobi lif yang diperindah di PPR Muhibbah.



**SABRINA SABRE**

**S**ETIAP agensi di bawah Wilayah Persekutuan diminta menetapkan sasaran dan fokus untuk mengembangkan potensi tiga wilayah iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan menerusi pelbagai inisiatif dan agenda khusus.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa**, langkah yang diambil perlu membawa perubahan ketara dan turut dirasakan oleh keseluruhan warga Wilayah Persekutuan.

"Kita telah menetapkan sasaran masing-masing untuk setiap agensi di bawah Wilayah Persekutuan agar dapat memberi tumpuan dan keutamaan pada 2025. Untuk memastikan segala inisiatif kita bergerak dalam satu hala tuju yang jelas, penglibatan suara komuniti sosial dan pelarasan gerak kerja dalam meningkatkan sosioekonomi rakyat perlu dilaksanakan.

"Tahun lalu, kita lihat kejayaan yang besar dalam pelaksanaan Program Usaha Jaya Insan (PUJI). Namun, kita perlu untuk perkukuhkan lagi ekosistem itu dengan melipatgandakan usaha dalam membantu rakyat yang memerlukan," katanya di Majlis Aspirasi bersama warga Wilayah Persekutuan dan agensi pada Rabu.

Zaliha berkata, beliau mahu agensi meluaskan skop pelaksanaan PUJI ini dengan melibatkan lebih ramai penerima dan tidak tertakluk kepada data e-Kasih semata-mata.

"PUJI juga boleh dipanjangkan

## Perkasa agenda memajukan Wilayah Persekutuan

# PERLU SUARA KOMUNITI SOSIAL



SEKITAR Majlis Aspirasi bersama warga Wilayah Persekutuan dan agensi yang diadakan di Kompleks Perbadanan Putrajaya.

kepada kumpulan rentan yang lain, seperti golongan miskin, ibu tunggal, belia dan warga tua. Bagi melaksanakannya, kita tidak hanya perlu menunggu data yang dikemukakan, sebaliknya kita sendiri perlu menggerakkan jentera untuk turun dan mengenal pasti siapakah kumpulan tersebut," ujarnya.

Selain itu, beliau berkata, pihaknya merancang untuk membangunkan pelan tindakan khas bagi warga emas berikutan peningkatan golongan itu demi memastikan mereka dapat menikmati kualiti hidup lebih baik dari segi ekonomi dan sosial.

"Seperti semua sedia maklum,

mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan, Malaysia dijangka akan beralih ke status negara menua atau *aging nation* pada tahun 2030, iaitu lima tahun sahaja dari sekarang, di mana pada ketika itu populasi warga emas dianggarkan 15 peratus (%) daripada populasi keseluruhan


rakyat Malaysia.

"Di Wilayah Persekutuan, ketika ini 9.18% rakyat dalam usia warga emas, iaitu 60 tahun dan ke atas.

"Pada 10 Januari lalu, saya telah mengadakan sesi Temu Rapat bersama persatuan, wakil masyarakat dan organisasi berkaitan warga emas di Wilayah Persekutuan. Daripada dapatan Temu Rapat tersebut, saya lihat ada keperluan penting untuk kita mengkaji pelaksanaan ekosistem Silver Economy ini bagi memanfaatkan potensi dan keperluan warga emas dalam usaha untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara.

"Sehubungan itu, saya minta Jabatan Wilayah Persekutuan untuk mengadakan satu sesi libat urus dengan kumpulan-kumpulan yang lebih kecil dan menyediakan Pelan Tindakan Warga Emas Wilayah Persekutuan untuk kita pastikan kumpulan ini dapat ditangani dengan baik dan berkesan," katanya.

Dalam masa sama, Zaliha berkata belia merupakan golongan terbesar dalam struktur masyarakat di negara kita yang mana ia jelas menunjukkan bahawa mereka adalah aset negara yang amat bernilai.

"Justeru kita perlu melibatkan golongan belia dalam aktiviti sumbang saran kepada pembuatan keputusan di Wilayah Persekutuan kerana mereka merupakan antara segmen rakyat penting di dalam negara kita yang perlu kita raikan pandangan mereka," katanya. 

## Manfaat Dermasiswa

**PENERIMA** Dermasiswa Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) berazam untuk memanfaatkan bantuan kewangan yang diterima serta memberikan tumpuan dalam pelajaran sekali gus menamatkan pengajian dengan cemerlang.

Menurut penuntut tahun kedua, Ijazah Sarjana Muda Biologi Gunaan, Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang, **Sharmila A/P Rajendran**, 21, bantuan kewangan yang diterimanya akan dimanfaatkan bagi menguruskan perbelanjaan harian sepanjang di kampus.

Ujarnya, sebagai pelajar, dia harus bijak berbelanja kerana kos sara hidup di perantauan agak tinggi berikutan bapanya telah bersara dan perlu menanggung seorang lagi adik yang sedang belajar di tingkatan lima.

"Bantuan yang diberikan oleh YWP ini memang dapat

membantu meringankan beban saya sangat bersyukur kerana terpilih untuk menerima skim ini.

"Meskipun perlu menunggu selama empat bulan selepas membuat permohonan, saya gembira kerana ia diluluskan dan sedikit sebanyak membolehkan saya menumpukan perhatian kepada pelajaran tanpa perlu memikirkan kos sara hidup," katanya kepada Wilayahku.

Tambah Sharmila, bantuan seumpama ini wajar diperluaskan kerana ia dapat membantu golongan pelajar yang berasal dari keluarga berpendapatan rendah untuk mencapai cita-cita bergelar siswazah satu hari nanti.

Bagi **Ainita Rahifudin**, 19, yang juga penuntut tahun pertama Ijazah Sarjana Muda Psikologi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi, bantuan dermasiswa yang diterimanya membolehkan dia untuk belajar lebih


selesa tanpa perlu memikirkan perbelanjaan sepanjang berada di kampus.

"Sebelum ini saya turut menerima Skim Bantuan Awal IPT daripada YWP. Jadi dengan memperolehi skim dermasiswa, saya sangat bersyukur berikutan proses yang agak lama dan akhirnya penantian ini berbaloi selepas dihubungi wakil YWP untuk hadir bagi menerima dermasiswa ini," katanya.

Jelasnya, bantuan ini akan digunakan sebagai elau bulanan bagi meringankan beban keluarga dan pelajar sepertinya tidak perlu khawatir kerana bantuan ini mencukupi sekiranya digunakan secara berhemah.


Terdahulu, Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif YWP, Dr Abdul Basir V Kunhimohamed dalam ucapannya berkata, setiap pelajar menerima sumbangan sebanyak RM2,000 sehingga RM3,000 secara *one-off*.

"YWP tidak hanya membantu meringankan beban keluarga pelajar tetapi juga memainkan peranan penting dalam membangunkan modal insan yang berkualiti dan berdaya saing.

"Pendidikan adalah pelaburan jangka panjang yang mampu mengubah nasib seseorang, keluarga dan masyarakat," katanya. 



SHARMILA



AINITA

## Bantu semarak industri perfileman

**SERAMAI** 23 peserta menyertai Program Malaysia MADANI: Bengkel Kuasai Asas Penerbitan Dokumentari Pendek yang diadakan baru-baru ini.

Menurut Pengerusi Pertubuhan Suara Kreatif Kesenian Generasi Muda (PSKKGM), **Ella Royantty Ruslan**, para peserta terlibat terdiri daripada pelbagai latar belakang termasuk sektor perubatan, pendidikan, seni dan pelajar universiti.

"Bengkel ini bertujuan memberi pendedahan kepada peserta mengenai teknik asas penghasilan dokumentari pendek yang mampu memukau penonton. Peserta juga diajar bagaimana menerapkan idea dan bahan cerita ke dalam skrip untuk menghasilkan naratif yang berkesan.

"Program ini berjaya melahirkan generasi baharu pembuat dokumentari, sekali gus menyemarakkan industri perfileman negara," katanya dalam satu kenyataan.

Ella berkata, selain teori, bengkel ini turut memberi peluang kepada peserta untuk melaksanakan tugas amali.


"Peserta dibahagikan kepada tiga kumpulan dan dibawa ke Muzium Telekomunikasi bagi menjalani

penggambaran dokumentari bertajuk Garisan Masa Kuala Lumpur: Muzium Telekomunikasi.

"Dokumentari yang bertemakan pemuliharaan sejarah dan pendidikan, menggambarkan evolusi teknologi komunikasi dari era prakemerdekaan hingga kini, menggunakan skrip yang ditulis sendiri.

"Setiap kumpulan berjaya menghasilkan dokumentari pendek yang memanfaatkan visual menarik, suara latar dan muzik latar. Dokumentari mereka mampu menarik perhatian penonton dari pelbagai lapisan masyarakat," ujarnya yang merupakan pemegang Ijazah Sarjana Seni Halus dalam Bidang Filem dan Televisyen dari Academy of Art University, San Francisco, California.

Terdahulu bengkel percuma tersebut diadakan di Kampus Kota, Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan mendapat sokongan Pejabat Perdana Menteri dan Muzium Telekomunikasi.

Turut hadir pada majlis penutup ialah Pengerusi Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Datuk Kamil Othman; Penasihat PSKKGM, Yunus Md Dom serta Ketua Unit Seni dan Hiburan UniKL, Dr Rosli Arshad. 



# PENCERAMAH 'CAP AYAM'?

KU SEMAN KU HUSSAIN

**P**rogram motivasi mungkin suatu yang agak asing kepada generasi muda terutama yang sudah ada kerjaya atau masih belajar di institusi pengajian tinggi. Mungkin juga ada yang tidak pernah mendengar nama-nama penceramah motivasi popular pada kemuncaknya tahun 1990-an.

Populariti penceramah itu pada waktu dulu sama seperti pempengaruh (*influencer*) pada masa ini. Sebut nama sahaja semua orang tahu. Mereka mendapat liputan meluas di akhbar serta televisyen.



PENULIS BEBAS

Cuma bezanya waktu itu tidak ada secara statistik yang menunjukkan jumlah peminat atau pengikut seperti pempengaruh di media sosial. Namun populariti yang diraih sebagai penceramah hampir sama dengan golongan selebriti. Disebabkan populariti juga mereka hampir tidak ada masa yang

terluang.

Ketika itu program motivasi adalah fenomena dan istilah 'motivasi' itu sendiri baharu sahaja menjadi sebutan. Penceramah motivasi juga seperti penceramah agama selebriti ketika ini. Sifat menjurus selebriti itu melonjakkan mereka yang mencuba nasib sebagai penceramah atau hendak lebih sedap lagi disebut 'pakar motivasi'.

Ada juga dalam kalangan kawan-kawan yang lama menghilang, tiba-tiba timbul sebagai 'pakar motivasi'. Jadual motivasi padat dan menjadi kerjaya baharu sekalipun sebelumnya tidak tunjuk pun kecenderungan ke arah itu. Cuma sejak dulu ada kelebihan dan petah bercakap.

Saya bertanya, sejak bila menjadi pakar motivasi? Salah seorang kawan saya itu beritahu, "Selepas kena berhenti kerja. Kemudian banyak baca buku motivasi dan langsung cuba-cuba. Tak sangka menjadi-jadi pula."

Dia berkata: "Hang pun boleh jadi pakar motivasi. Bukan ada sapa nak tengok sijil kelayakan kita. Syaratnya mesti pandai cakap



KATA orang jika pandai bercakap dan kuat berdrاما di atas pentas, seseorang itu menepati kriteria sebagai pakar motivasi.

dan kuat berdrاما masa di depan pentas."

Ketika itu memang banyak yang berkelayakan memberi motivasi malah bertaraf pakar. Bagaimanapun apabila sesuatu bidang itu memberikan pulangan yang besar, banyaklah yang cuba-cuba. Mana tahu untung sabut timbul sebagai personaliti popular sebagai pakar motivasi.

"Tak salah menjadi penceramah motivasi walaupun kita hanya ceduk sana-sini kemudian gaul dan berikan kepada peserta," kata kawan saya yang imejnya sudah berubah – sentiasa bergaya dengan kot dan tali leher.

Kini sudah amat jarang kita mendengar mana-mana pihak terutama syarikat korporat menganjurkan program motivasi. Mungkin ada, tetapi tidak seperti tahun 1990-an yang dianggap zaman kemuncak penceramah motivasi.

Saya pun tidak ingat dengan jelas detik awal munculnya fenomena program motivasi, seterusnya pakar motivasi tahun 1990-an. Seingat saya ia muncul secara mendadak. Sana-sini orang bercakap tentang pengalaman menarik mengikuti program motivasi.

Ada yang bertanya siapa atau pihak manakah yang memberikan gelaran 'pakar' kepada penceramah? Sebenarnya gelaran pakar itu bermula daripada kad nama (*business card*) penceramah sendiri. Mereka yang memulakan gelaran itu kemudian menjadi ikutan kepada yang lain.

Sebenarnya orang tidak kisah pun sama ada seseorang penceramah itu bertaraf pakar atau tidak. Ukuran yang digunakan pada masa itu adalah popular dan peserta pulang dengan gembira kerana terhibur oleh penceramah. Sebab itulah penceramah mesti pandai berdrاما hingga peserta ketawa dan teresak-esak pada masa yang sama.

Itulah antara tanda aras kehebatan yang seterusnya menjadikan seseorang penceramah diminati ramai. Mereka mesti boleh membuatkan peserta yang memenuhi dewan ketawa terbahak-bahak, kemudian menangis teresak-esak. Kalau boleh buat itu, populariti sudah berada dalam tangan.

Semakin hebat membawakan kisah-kisah masa lalu yang meruntun perasaan maka semakin popularlah seseorang penceramah. Mereka menjadi rebutan penganjur terutama daripada pihak korporat untuk menaikkan motivasi pekerja masing-masing.

Peserta yang terpilih mengikuti program motivasi pula sebahagian besarnya berasa seperti lebih teranjak atau terapung berbanding kawan-kawan yang lain. Balik dari program motivasi dengan semangat yang berkobar-kobar. Tetapi biasanya semangat itu hanya bertahan paling lama seminggu sahaja.

Sekalipun begitu, suatu hal yang tidak boleh dinafikan adalah munculnya satu kerjaya baharu secara tiba-tiba. Bukan sahaja kerjaya malah yang mampu memberikan kehidupan mewah kepada individu. Salah satunya disokong oleh persepsi bahasa belum cukup motivasi kalau tidak menyertai program berkenaan.

Tidak hairanlah kalau dalam kalangan penceramah mempunyai pengurus, pembantu khas selain pemandu peribadi. Hal itu antara yang diulang-ulang sebut kepada peserta untuk membuktikan mereka berhasil mengubah diri menjadi orang 'berjaya.'

Banyaklah yang ternganga kagum dengan kehebatan penceramah. Memang itulah sebahagian daripada keterujaan dalam kalangan kita – pantang tengok orang kaya atau memperagakan diri sebagai kaya. Maka tidak hairanlah kalau hari ini ramai selebriti

memperagakan kekayaan tetapi bukan kejayaan dalam kehidupan.

Kesimpulannya program motivasi yang berkualiti adalah suatu yang baik dan berkesan untuk meningkatkan semangat pekerja. Ia boleh memberikan dorongan positif serta membantu pekerja mengatasi rintangan untuk mencapai tujuan bersama – untuk peribadi dan organisasi.

Oleh hal demikian, sepatutnya kerancangan program motivasi tidak terhenti dengan tiba-tiba selepas berakhirnya fenomena pada tahun 1990-an. Program itu terbukti mempunyai sumbangan yang besar dalam membina modal insan di sesebuah organisasi.

Hanya yang perlu ditekankan adalah kualiti peneraju atau penceramah motivasi. Salah satunya tidak menjadikan populariti sebagai prasyarat utama, sebaliknya kemampuan membangunkan upaya yang ada kepada semua peserta. Hal itu amat memerlukan penceramah yang arif dan berilmu.

Populariti sekadar menarik penglibatan peserta. Penceramah motivasi yang baik bukan sahaja mampu menguasai seni berbicara tetapi mesti memastikan setiap kata yang diucapkan itu boleh membawa perubahan pada cara berfikir dan bertindak orang yang mendengarnya.

Saya berpengalaman mengikuti banyak program motivasi pada tahun 1990-an, sama ada dihantar oleh majikan atau diundang sebagai peserta oleh penganjur. Daripada itu saya mendapati sebahagian besar program motivasi tahun 1990-an adalah ikut-ikutan.


Program yang mengundang penceramah popular selalunya dianggap 'berjaya' apabila disertai oleh jumlah peserta yang besar dan dewan riuh-rendah dengan 'persembahan lawak.' Ukuran seperti itu bukan sahaja tidak tepat malah mendorong berleluasanya penceramah 'cap ayam' seperti sesetengah usahawan yang riuh di media sosial.

Tanpa menafikan sememangnya banyak penceramah yang berkualiti dan berkelayakan, tetapi banyak juga yang mengambil sebagai peluang untuk menjadi popular selain kehidupan yang pada relatifnya mewah. Disebabkan itu, saya melihat lambakan program motivasi tidak lebih sebagai satu fenomena sahaja. Yang oportunistik sentiasa melihat sisi untungnya sahaja.

**SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.**

## RAGAM KOTA

MATOMATO



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera:

Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.

Tel: 03-8861 5260 | E-mail: [editorialwilayahku@gmail.com](mailto:editorialwilayahku@gmail.com)





Bil 302 . 21-27 FEBRUARI 2025



# GENERASI SANDWIC

*Menghimpit mental*



# PERUBAHAN STRUKTUR KELUARGA BUAT PENJAGA TERHIMPIT

DIANA AMIR

**G**ENERASI sandwich merujuk kepada penjaga keluarga yang menjalankan peranan menjaga dua generasi secara serentak dan di Malaysia ia sering dikaitkan dengan wanita bekerja, memandangkan dalam struktur sosial masyarakat, wanita masih dianggap sebagai penjaga utama keluarga.

Walaupun terlibat dalam sektor pekerjaan yang kompetitif, mereka tetap memikul tanggungjawab besar dalam menguruskan keluarga, termasuk penjagaan ibu bapa yang semakin uzur. Bagaimanapun dengan perubahan dinamik sosial dan ekonomi moden, semakin ramai lelaki turut memainkan peranan dalam menguruskan tanggungjawab keluarga.

Generasi ini wujud akibat gabungan faktor ekonomi, demografi dan perubahan struktur keluarga meskipun kewangan sememangnya menjadi faktor utama, tetapi ia bukan satu-satunya punca.

Menurut Pengarah Institut Kecemerlangan Perniagaan (IBE) Universiti Teknologi Mara (UiTM), **Profesor Madya Dr Wan Edura Wan Rashid**, antara faktor

utamanya adalah peningkatan jangka hayat dan kos penjagaan kesihatan, kenaikan kos sara hidup dan beban kewangan serta perubahan struktur keluarga.

“Dengan kemajuan perubahan, jangka hayat rakyat Malaysia menjadi semakin panjang dan ini bermakna ibu bapa memerlukan sokongan kewangan dan penjagaan untuk tempoh yang lebih lama, terutamanya dalam aspek kesihatan dan kebajikan. Kos perubatan yang tinggi serta keperluan penjagaan jangka panjang menjadi cabaran utama bagi generasi sandwich.

“Selain itu, kos sara hidup yang semakin meningkat, termasuk harga rumah, kos pendidikan dan keperluan asas yang tinggi, turut memberi tekanan kepada generasi ini untuk terus menyokong anak-anak mereka.

“Dahulu, tanggungjawab menjaga ibu bapa boleh dikongsi dalam keluarga besar namun, masyarakat moden lebih cenderung kepada keluarga nuklear, menyebabkan beban penjagaan tertumpu kepada bilangan individu yang lebih kecil. Faktor-faktor ini menunjukkan bahawa isu generasi

sandwich bukan sekadar cabaran peribadi, tetapi juga satu isu sosial yang memerlukan penyelesaian holistik,” katanya kepada Wilayahku.

Mengulas lanjut, Wan Edura berkata, tekanan untuk menyara dua generasi serentak memberikan kesan yang mendalam terhadap kualiti hidup mereka.

“Generasi ini perlu menguruskan perbelanjaan ibu bapa yang semakin uzur serta anak-anak yang masih memerlukan sokongan kewangan menyebabkan mereka sukar menabung untuk masa depan sendiri, termasuk persaraan dan berisiko menghadapi ketidakstabilan kewangan apabila mencecah usia tua.

“Ramai dalam kalangan generasi ini merasa terbeban kerana tidak mempunyai masa untuk diri sendiri dan jika ia tidak ditangani, boleh membawa kepada risiko penyakit seperti tekanan darah tinggi, masalah jantung serta keletihan kronik diikuti hubungan kekeluargaan menjadi tegang kerana merasakan beban tidak dikongsi secara adil dalam kalangan adik-beradik.

“Jadi sangat penting kerjasama antara keluarga, majikan, masyarakat dan kerajaan adalah sangat penting bagi memastikan golongan ini tidak dibebani secara berlebihan,” ujarnya.

## WUJUD POLISI KERJA FLEKSIBEL

GENERASI sandwich memainkan peranan penting dalam kesejahteraan keluarga dan

kestabilan sosial namun, tanpa sistem sokongan yang kukuh, mereka berisiko mengalami tekanan kewangan, mental dan fizikal yang berpanjangan.

Pensyarah Kanan Program Kerja Sosial, Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **Profesor Madya Dr Mohd Suhaimi Mohamad** berkata, terdapat beberapa langkah boleh diambil untuk membantu mereka mengatasi kesukaran ini.

“Mereka perlu diberi pendidikan kewangan dengan menyediakan literasi kewangan untuk mereka memahami pengurusan kewangan, perancangan persaraan dan cara menguruskan belanjawan dengan efektif.

“Sokongan emosi melalui kumpulan sokongan juga dapat membantu mereka mengatasi tekanan mental dan emosi yang sering dihadapi. Perkhidmatan penjagaan untuk orang tua atau kanak-kanak seperti pusat jagaan harian atau perkhidmatan penjagaan di rumah juga boleh meringankan beban penjaga dan memberi mereka masa untuk diri sendiri.

“Selain itu, pihak majikan boleh membuat pengaturan kerja yang fleksibel seperti kerja dari rumah atau waktu kerja yang boleh disesuaikan bagi membantu mereka


menguruskan tanggungjawab keluarga dan kerja dengan lebih baik.

“Akhir sekali, bantuan kewangan atau subsidi daripada pihak kerajaan atau badan bukan kerajaan (NGO) dapat membantu menampung kos penjagaan orang tua dan pendidikan anak-anak.

Program kesihatan dan kesejahteraan bersepadu juga penting dalam memastikan generasi sandwich dapat mengamalkan gaya hidup sihat dari aspek aktiviti fizikal, pemakanan sihat dan pengurusan stres,” katanya.

Jelasnya, untuk mendidik emosi anak-anak agar tidak merasa terbeban dengan tanggungjawab terhadap ibu bapa, adalah penting untuk memberikan ruang generasi sandwich mengekspresikan perasaan.

“Kemahiran komunikasi terbuka adalah penting dalam meletakkan harapan dan batasan serta mengajarkan teknik pengurusan emosi berkesan seperti *mindfulness*, yoga dan *self-care* yang dapat mengurangkan tekanan mental dan emosi.

“Perkara ini perlu diatasi kerana generasi ini sudah lama wujud dan ada kemungkinan ia semakin ramai yang termasuk dalam golongan generasi sandwich ini akibat keterbatasan sumber ekonomi dan peningkatan taraf hidup,” katanya. 



WAN EDURA



## 3 LAPIS GENERASI SANDWIC

### Open-Faced Sandwich (usia 20-30 tahun)

Belum ada anak atau bernikah tetapi telah mula menanggung keluarga dan saudara-mara.

### Traditional Sandwich (usia 30-50 tahun)

Menanggung orang tua dan anak-anak sendiri, banyak berlaku di Malaysia.

### Club Sandwich (usia 40-70 tahun)

Menanggung anak yang belum mampu berdikari secara kewangan, orang tuanya dan menjaga cucunya.





# 'Kita perlu bijak merancang kewangan'

JIKA diberi pilihan pastinya orang tidak akan memilih untuk menjadi generasi sandwich yang tersepit di antara kesusahan orang tua dan kebergantungan anak terhadap dirinya.

Menurut Pensyarah Kanan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Seri Iskandar,



AZIZUL

**Dr Azizul Azli Ahmad**, generasi ini kebiasaannya akan hidup susah tanpa perancangan kewangan yang betul dan sekiranya ia tidak diatasi kemungkinan untuk anak-anaknya berada dalam situasi yang sama adalah tinggi.

"Mereka boleh keluar daripada kitaran ini jika berusaha bersungguh-sungguh, konsisten serta disiplin dan yang paling utama perlu mempunyai perancangan bajet dengan bijak. Sebagai contoh menggunakan kaedah kewangan seperti 50-30-20 atau 40-30-30. Apa yang saya selalu sebut adalah 50 peratus itu digunakan untuk keperluan, 30 keinginan dan 20 peratus simpanan, pelaburan dan perlindungan.

"Seterusnya perkara asas yang perlu adalah mewujudkan dana kecemasan di mana setiap keluarga perlu mempunyai tabungan untuk tiga hingga enam bulan dan digalakkan menyimpan di Tabung Haji atau ASB. Saya

tidak galakkan untuk mereka menyimpan dalam mana-mana instrumen pelaburan seperti saham atau emas.

"Ketiga adalah sediakan perlindungan insuran atau takaful dan paling penting adalah lindungi pendapatan yang disebut *income*

*protection* dan kedua barulah ambil kad perubatan tapi kebiasaan orang kita mereka ambil *medical card* terlebih dahulu. Jadi terbalik. Sekiranya mereka memang tersepit, antara cara lain adalah dengan menjana pendapatan tambahan seperti buat *freelance*, perniagaan kecil dan sebagainya. Lihat potensi diri yang boleh digunakan untuk membantu kewangan.

"Yang terakhir iaitu siapkan dana persaraan waktu muda di mana persiapan dana pencen boleh menjadi tabungan kebahagiaan buat kita. Jangan jadikan anak-anak sebagai mesin ATM kita dan persiapan ini juga dapat mengeluarkan anak-anak daripada kitaran ini," katanya.

Mengulas lanjut, Azizul berkata, dari perspektif pengurusan kewangan, terdapat tiga jenis sandwich dalam generasi ini dan setiap satu memerlukan strategi kewangan yang berbeza untuk mengurus keperluan serentak dan memastikan keseimbangan antara tanggungjawab serta persediaan untuk masa depan mereka sendiri.

"Pertama adalah *Open-Faced Sandwich* yang merujuk kepada mereka yang hanya perlu menjaga ibu bapa atau anak-anak, tetapi tidak kedua-duanya serentak di



mana beban kewangan kurang berat berbanding generasi sandwich tradisional, namun masih ada tanggungjawab besar.

"Kedua adalah *Traditional Sandwich* iaitu individu yang secara aktif menyokong kedua-dua generasi, ibu bapa yang semakin tua dan anak-anak yang masih bergantung. Mereka perlu mengurus kos perubatan ibu bapa dan kos pendidikan serta perbelanjaan lain anak-anak secara serentak dan yang terakhir adalah *Club Sandwich*, merujuk kepada individu yang bukan sahaja menyokong ibu bapa dan anak-anak, tetapi juga cucu atau generasi muda lain dalam keluarga, atau mungkin ibu bapa yang lebih tua (seperti datuk nenek)," jelasnya.

Tambahnya, krisis generasi sandwich ini tidak hanya berlaku di Malaysia sahaja, malah berlaku kini di Singapura dan Indonesia bila mana kesedaran kewangan, taraf ekonomi berubah, kebergantungan hidup dan sebagainya.

Azizul berkata, terdapat beberapa strategi yang boleh digunakan bagi membantu mengurangkan tekanan kewangan generasi ini.

"Manfaatkan sepenuhnya bantuan kerajaan, subsidi kesihatan dan sebagainya yang diberikan secara percuma kepada kita. Seterusnya rancang perbelanjaan sebaiknya dengan meletakkan garis di antara keperluan dan kehendak.


"Selain itu, literasi kewangan

iaitu kebijaksanaan kewangan juga perlu diberikan kepada masyarakat kini bagi mengelakkan mereka ditipu oleh mana-mana pihak. Saya tengok kerajaan juga mula memperkenalkan kurikulum kewangan di sekolah tetapi ia lebih kepada konsep duit bukan literasi kewangan dan diharapkan perkara tersebut dapat ditambah baik pada masa akan datang bagi memutuskan rantaian generasi sandwich ini," ujarnya.

Kesimpulannya, Azizul berkata, krisis ini tidak boleh diselesaikan dalam masa yang singkat kerana ia perlu ada perancangan yang betul dan rapi kerana kita sedang menanggung generasi atas dan bawah. 📌

## GENERASI SANDWIC?

- Perlu bertanggungjawab terhadap keluarga sambil mengejar cita-cita sendiri.
- Diminta untuk melakukan apa sahaja di pejabat walaupun gaji tidak seberapa.
- Perlu menanggung adik-beradiknya sambil membiayai diri sendiri.
- Diminta untuk cepat berkahwin akan tetapi masih perlu membayar bil api atau air di rumah keluarga.



## KENAPA GENERASI SEBELUMNYA TIADA DANA

1. Ingin berikan sesuatu yang terbaik buat anak-anak tanpa lihat kemampuan.
2. Salah letak keutamaan, utamakan dana pendidikan anak lebih daripada dana persaraan.
3. Belum ada literasi kewangan yang betul.
4. Keadaan kewangan yang tidak stabil.
5. Percaya bahawa COVID-19 ini akhir kepada segalanya.
6. Keluarkan KWSP untuk belanja perkara tidak mendesak.







# MALAYSIA TIMBA PENGALAMAN DASAR BANDAR HIJAU TURKIYE




## SIYUQREE DAIN

**WANITA** Pertama Turkiye, Emine Erdogan merupakan tokoh yang tidak asing lagi dalam menyokong kelestarian alam sekitar telah mengadakan lawatan rasmi ke Taman Botani Perdana Kuala Lumpur pada 11 Februari lalu diiringi oleh isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif serta Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan, Datuk Indera Noridah Abdul Rahim.

Taman Botani Perdana, yang sangat terkenal dengan keindahan landskapnya dan pelbagai spesies tumbuhan tropika menjadi lokasi pilihan bagi lawatan ini. Semasa berada di sana, Emine telah meluangkan masa kira-kira satu jam melawat kehijauan taman yang berusia lebih seabad di tengah-tengah ibu kota Kuala Lumpur itu sambil dibawa melihat reruai pameran yang memaparkan Pengurusan Sisa Sifar Kuala Lumpur

oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Selain aspek ekologi, lawatan rasmi ini juga menunjukkan komitmen kedua-dua negara dalam memperkasakan peranan wanita di arena kepimpinan. Dengan kehadiran wanita besi seperti Wan Azizah dan Zaliha, lawatan ini turut memberi peluang kepada pemimpin wanita untuk berbincang dan berkongsi inspirasi serta visi untuk dunia yang lestari dan bebas sisa. Ini memperkukuhkan semangat kerjasama dalam kalangan pemimpin wanita antarabangsa.

Melalui lawatan ini, hubungan dua hala antara Malaysia dan Turkiye dapat diperkukuhkan selain memberi peluang untuk mempromosikan pemeliharaan alam sekitar dan bandar yang lebih hijau dan bersih. Keberhasilan lawatan ini diharapkan dapat membuka jalan kepada lebih banyak peluang kolaborasi antara kedua-dua negara dalam pelbagai sektor, sekali gus memberi manfaat kepada rakyat kedua-dua negara. 









PELBAGAI jenis kuih-muih tersedia di Park In by Radisson Putrajaya sepanjang Ramadan ini.

Lebih 100 menu kampung sempena Ramadan

# TERINGAT-INGAT MASAKAN IBU

SERIMAH MOHD SALLEHUDDIN

**M**ASAKAN kampung merupakan antara menu yang menjadi kegemaran terutamanya bagi anak desa yang merantau ke ibu kota. Ada yang sanggup masuk ke ceruk kampung semata-mata untuk 'memburu' menu kampung asli kerana merindukan air tangan bonda.

Kini anda tidak perlu lagi bersusah payah menjelajah ke luar daerah semata-mata untuk menikmati hidangan kampung yang enak.

Bagi menikmati masakan enak seperti masakan bonda tercinta,

Park Inn by Radisson Putrajaya menyediakan pelbagai menu membuka selera sepanjang Ramadan ini.

Hotel yang terletak di tepi jalan menuju ke Putrajaya itu menawarkan lebih 100 hidangan istimewa dan berciri kampung. Sajian Warisan Bonda di RBG menggabungkan pelbagai hidangan asli seperti masakan ibu-ibu.

Hasil air tangan Chef Faizul Muhammad itu menampilkan resipi keluarga yang penuh dengan sejarah dan kasih sayang.

Antaranya gulai kawah, kambing golek, udang galah, kari kepala ikan, ayam masak jintan, sambal sotong petai, rendang itik dan patin masak tempoyak.

Pelbagai jenis nasi turut dihidangkan seperti nasi putih, nasi minyak, nasi bukhara dan nasi biryani.

Selain itu, aneka sup antaranya perut, kambing, ayam dan daging juga boleh dinikmati bersama roti.

Bagi penggemar sambal pula, pelbagai sambal disediakan seperti sambal mangga, cencaluk, budu, sambal kicap, sambal hijau dan



sambal jawa.


Istimewanya, pelanggan juga boleh menikmati bubur lambuk, kerabu maggi, som tam, laksa, mihun sup dan banyak lagi di gerai Istimewa Iftar.

Menurut **Chef Faizul Muhammad**, setiap hari menu adalah berbeza supaya pelanggan boleh memilih menu berbuka puasa mengikut cita rasa mereka.

"Setiap hari kami hidang lauk-pauk kampung yang berbeza dan menggunakan bahan segar. Kami

ingin menjaga kualiti makanan supaya pelanggan yang berbuka puasa di sini berpuas hati," katanya.

Buget Ramadan Sajian Warisan Bonda akan bermula dari 2 hingga 28 Mac, setiap hari dari pukul 7 hingga 9.30 malam. Harga buget adalah RM108 untuk dewasa dan RM54 untuk warga emas dan kanak-kanak.

Promosi pembelian *early bird* RM75 (dewasa sahaja) boleh dibeli mulai sekarang hingga 28 Februari 2025. 

# Hidang Beef Wellington halal pertama

**P**ASTI ramai yang ingin mencuba Beef Wellington tetapi ragu-ragu tentang status halalnya. Namun anda tidak perlu risau kerana restoran 'semi-fine dining' yang terletak di Conezion Putrajaya, Kay's Steak & Lobster memiliki sijil halal yang disahkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Selain Beef Wellington yang menjadi menu 'signature' restoran itu, jenama yang sudah wujud sejak 2014 itu turut mempunyai beberapa lagi menu istimewa lain yang tidak kurang enakannya. Antaranya stik ribeye dan udang kara yang menggunakan bahan-bahan premium dan segar serta diimport dari luar negara.

Pengarah Urusan Kay's Steak & Lobster, **Muhammad Aizuddin Mohd Khalid** berkata, mereka hanya memilih daging terbaik untuk menghasilkan Beef Wellington dan stik.

Sementara itu udang kara pula



**BEEF** Wellington yang boleh dinikmati tanpa waswas.

diimport dari Maine, Boston, Amerika Syarikat dan Kanada. Paling penting kata Aizuddin, udang diimport dalam keadaan masih hidup bagi

memastikan kesegarannya.

"Kami sentiasa menjaga kualiti makanan pelanggan serta mahu mereka merasa berbaloi dengan

setiap sen yang dibelanjakan di restoran kami. Oleh itu, kami sangat menjaga kualiti bahan mentah yang digunakan di restoran ini.

"Daging stik kami juga diimport dari ladang terbaik di Australia yang menggunakan daging jenis premium pembekal Stanbroke yang terbukti tinggi kualitinya dan tidak dibekukan. Paling penting dijamin halal," katanya.

Udang kara yang bersaiz 750 gram dijual pada harga lebih RM300, manakala stik dan Beef Wellington pula bermula pada harga RM130.

Selain Putrajaya, Kay's Steak & Lobster memiliki tiga lagi cawangan lain iaitu di Putra Heights, Ampang dan baru saja merasmikan pembukaan cawangan terbarunya di Elmina, Shah Alam.


Kay's Steak & Lobster juga merupakan lokasi makan yang mesra keluarga terutama sekali mereka yang mempunyai anak

kecil.

"Dekorasi dalam setiap premis turut menjadi keutamaan kami bahkan cawangan Elmina dilengkapi ruang privasi buat mereka yang ingin menikmati hidangan dalam suasana *private* atau meraikan hari istimewa," tambahnya.

Menjelang Ramadan, Aizuddin dan pasukannya bakal menyajikan hidangan tambahan istimewa iaitu nasi lemak lobster berempah dan nasi lemak rendang short rib berempah selain menyajikan menu sedia ada.

Sementara itu, katanya Kay's Steak & Lobster turut dalam perancangan membuka satu lagi cawangan baharu di KLGCC Kuala Lumpur pada Ogos ini dengan konsep berbeza.

Seterusnya adalah mengintai untuk memasuki pasaran Johor Bahru dan Pulau Pinang pada suku tahun pertama 2026. 



Perlu kaji semula kuota haji

# MENUNGGU HINGGA 100 TAHUN?

METRA SYAHRIL MOHAMED

**K**ENA tunggu sehingga lebih 100 tahun. Itu realiti atau perkiraan semasa yang perlu dihadapi oleh mereka yang mendaftar untuk menunaikan haji berdasarkan kuota ditetapkan kerajaan Arab Saudi kepada Malaysia.

Jika difikirkan secara mudah, perkiraan itu memustahilkan mereka, khususnya yang baru mendaftar atau membuka akaun dengan Tabung Haji (TH), bagi menjejakkan kaki ke Tanah Suci.

Tidak seperti negara lain yang memiliki kuota jauh lebih besar, perkiraan tersebut menuntut kerajaan untuk melakukan sesuatu terutama bagi meyakinkan Arab Saudi menambah kuota menunaikan haji bagi jemaah negara ini.

Bagi tahun sesi 1446H/2025M ini, kerajaan Arab Saudi meluluskan sebanyak 31,600 kuota haji untuk jemaah Malaysia. Secara kasar, kuota ini amat kecil, di mana ia menunjukkan hanya satu orang akan terpilih dari 100 jemaah yang menunggu giliran.

Setiap tahun, pastinya Malaysia memohon kuota tambahan. Begitu juga tahun ini, seperti dinyatakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar, permohonan tambahan 10,000 lagi kuota haji sedang dipertimbangkan Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi.

Persoalan yang sering kali dilontarkan, bagaimana Malaysia yang memiliki serta diiktiraf cemerlang dalam aspek pengurusan haji, namun tidak diberikan kuota yang boleh dikatakan berbaloi bagi mengurangkan kadar tahun menunggu itu?

Sekurang-kurangnya biarlah tahun menunggu itu dapat dikurangkan kepada (mungkin) tidak menjangkau 50 tahun, bukannya sehingga lebih 100 tahun yang menampakkan sisi sebaliknya kepada kejayaan serta pengiktirafan dimiliki Malaysia dalam pengurusan haji itu.

Pakar ekonomi kewangan dan antarabangsa, **Profesor Madya Dr Mohd Naseem Niaz Ahmad** menegaskan ketika ini terdapat lima negara mempunyai senarai menunggu jemaah haji tertinggi di dunia iaitu China, United Kingdom (UK), Singapura, Indonesia dan Malaysia.

Walau bagaimanapun, Malaysia mengungguli kedudukan pertama mempunyai tempoh menunggu paling lama di dunia sehingga mencecah hampir 138 tahun atau mungkin lebih.

Menurut Mohd Naseem, kekuatan sumber kewangan umat Islam di Malaysia, melalui inisiatif simpanan di TH membolehkan lebih ramai umat Islam dikategorikan sebagai



**MALAYSIA mengungguli kedudukan pertama mempunyai tempoh menunggu paling lama di dunia bagi giliran haji.**

berkemampuan dari segi ekonomi dalam mengerjakan ibadah haji.

Kaedah simpanan secara teratur ini katanya, dapat memupuk tabiat menyimpan sebagai pemudah cara dalam mengumpul wang belanja yang mencukupi untuk menyempurnakan ibadah haji.

Katanya, selain itu nilai tambah yang diterima setiap tahun oleh umat Islam yang mempunyai simpanan di TH dengan memperoleh bonus tahunan dapat mempercepatkan kecukupan perbelanjaan kewangan untuk menunaikan haji.

"Ini kerana simpanan yang diterima oleh TH akan dilaburkan ke sektor tertentu yang mempunyai potensi pulangan yang baik berlandaskan prinsip syariah bagi membolehkan umat Islam mendapat lebih manfaat kewangan untuk mengurus perbelanjaan menunaikan haji. Kini TH mempunyai

2.5 juta pendeposit, menunjukkan perkembangan dinamik saiz senarai bakal jemaah haji Malaysia dengan trend kekal terus meningkat," katanya.

## MOHON KUOTA DIKAJI SEMULA

**DILHAMKAN** oleh tokoh ekonomi Malaysia, Allahyarham Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid pada Disember 1959, TH telah menjadi institusi kewangan Islam yang banyak berjasa kepada umat Islam di Malaysia.

Mula ditubuhkan sebagai Perbadanan Wang Simpanan Bakal-Bakal Haji (PWSBH), TH adalah lambang kesabaran dan ketekunan bagi memenuhi kemampuan kewangan bagi jemaah untuk ke Tanah Suci. Sejak 1988, penetapan kuota haji adalah 0.1 peratus daripada jumlah penduduk sesebuah negara adalah diguna pakai. Ini berdasarkan keputusan ahli persidangan Pertubuhan Persidangan Islam, kini Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) di Amman, Jordan pada masa itu.

Sungguhpun begitu, memang

diakui kuota haji untuk Malaysia amat kecil. TH dengan jelas menghadapi satu cabaran sukar. Pasti ada ruang untuk TH menangani permasalahan ini.

Mohd Naseem memberitahu, antaranya keperluan bagi TH menapis dengan lebih telus pemilihan bakal haji bagi tahun semasa.

Kaedah pemilihan TH katanya, adalah berdasarkan tarikh pendaftaran haji yang dibuat oleh individu.

"Ini bermakna, anak yang baru lahir yang seawal mungkin telah didaftarkan, dengan deposit wajib berjumlah RM1,300 mungkin akan terpilih ketika umurnya 60 tahun. Bagaimana pula sebaliknya jika seorang bapa didaftarkan oleh anaknya ketika si bapa berumur 60 tahun? Di sini, ruang cakup perbezaan perlu diambil kira berdasarkan tahap kesedaran individu, kemudahan akses kepada maklumat dan juga tahap kemampuan yang berbeza meliputi faktor kewangan mahupun pendidikan.

"TH banyak menjalankan inisiatif

bagi memberi laluan kepada warga emas menunaikan haji. Namun tidak banyak yang dapat mengubah statistik menunggu giliran bakal haji di Malaysia. Ini disebabkan faktor-faktor yang di luar kawalan TH sendiri.

"Mungkin sudah tiba masanya TH melibatkan secara serius suara kepimpinan tertinggi kerajaan bahkan suara ketua agama Islam, bagi memohon kuota jemaah dikaji semula sesuai dengan faktor demografi dan tahap ekonomi sesebuah negara. Misalnya, mencadangkan agar secara proaktif iaitu kuota untuk negara yang tidak dipenuhi secara total atau tidak mempunyai permintaan tinggi untuk menunaikan haji dapat diberikan kepada negara lain yang mempunyai desakan tinggi untuk menunaikan haji, seperti Malaysia," jelasnya.

Selain itu, beliau mencadangkan TH harus mengurus lebih cekap pemilihan jemaah yang dibuat agar kejadian seperti mendapat giliran kali kedua bagi menunaikan haji dapat dielakkan.

"TH juga perlu secara efisien menjalankan kempen kesedaran agar bakal haji tidak sesekali mengeluarkan deposit simpanan supaya giliran menunggu mereka tidak hilang begitu sahaja, dan membuat pendaftaran semula yang kemungkinan akan menyebabkan masalah perkiraan berganda serta tempoh masa menunggu giliran baharu yang lebih lama," katanya.

Jelas Mohd Naseem, umat Islam di Malaysia memberi kepercayaan penuh terhadap TH untuk mengemudikan permasalahan yang dihadapi saban tahun ini.

Katanya, jika sebelum ini umat Islam berfikir-fikir bagaimana dapat memenuhi keperluan kewangan bagi menunaikan haji, kini, bila kewangannya sudah tersedia, peluang yang dinanti tak kunjung tiba.

"Pada tahun 2025, corak kehidupan dan kemampuan umat Islam di Malaysia sudah jauh berubah. Maka sudah sampai masanya kerajaan Malaysia memandang serius permasalahan giliran haji bagi umat Islam menunaikan rukun Islam yang kelima ini," tegasnya.

Perkara sama turut dibangkitkan Penasihat Hal Ehwal Agama Islam di Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Datuk Seri Dr Wan Salim Wan Mohd Noor.

Jelas beliau, seharusnya TH terus berunding dengan kerajaan Arab Saudi dan memohon ditambahkan kuota bagi jemaah haji Malaysia.

"Lazimnya Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi menambahkan kuota jemaah haji setiap tahun. Justeru sesiapa yang ingin mengerjakan haji perlu sentiasa memantau perkembangan ini dan segera membuat permohonan rasmi apabila didapati ada peluang," katanya. 🇲🇾





ABD RAHIM menunjukkan kelapa yang sedia dijual.

Tampung kekurangan bekalan

# GALAK ORANG MUDA TANAM KELAPA

**S**EBORANG pengusaha kelapa berharap kerajaan dapat menggalakkan semula golongan muda untuk menanam kelapa berbanding kelapa sawit.

Abd Rahim Jazuli, 47, yang berniaga di Pasar Borong Selangor, Seri Kembangan berkata, keuntungan kelapa sebenarnya banyak walaupun pada awalnya memerlukan penjagaan yang rumit.

"Sekarang orang semua sudah tak nak tanam kelapa tetapi tanam kelapa sawit. Penanaman kelapa rumit pada permulaan tetapi apabila sudah berbuah, ia lagi untung daripada sawit. Harapan saya mungkin kerajaan boleh galak tanaman kelapa semula," katanya.

Menurut Abd Rahim yang telah menceburi bidang ini hampir 40 tahun, kerajaan mungkin boleh memberi skim atau geran bantuan kepada generasi muda untuk menggalakkan penanaman kelapa.

Beliau berkata, banyak kebun masih boleh digunakan untuk

tanaman ini.

"Jika ada bantuan seperti benih, dari situ orang mungkin minat balik nak tanam kelapa. Masalah bekalan kelapa yang berkurang juga boleh diatasi," katanya.

Sementara itu, Abd Rahim yang merupakan anak kelahiran Bagan Datuk, Perak mengakui apabila permintaan tinggi dan bekalan berkurang akan menyebabkan harga makanan asas daripada kelapa seperti santan dan kerisik akan naik.

Bagaimanapun, cabaran itu beliau atasi dengan mengurangkan sedikit bekalan kelapa muda masa ini dan menyimpannya sehingga menjadi kelapa tua.

"Walaupun tak cukup, sekurang-kurangnya ia berterusan dan bekalan kelapa tua tidak putus.

"Saya sudah mulakan sejak Disember lalu dengan menyimpan kelapa muda untuk menampung bekalan kelapa tua bermula Mac ini, lebih-lebih lagi menjelang puasa

dan Aidilfitri," katanya.

Pada 24 Disember lalu, Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Aminuddin Zulkipli berkata, cuaca tidak menentu sejak tiga bulan lalu di ladang tempatan dan negara pengeksport seperti Indonesia disifatkan menjadi punca kepada peningkatan harga kelapa di pasaran.

Aminuddin berkata, situasi itu mengakibatkan penurunan bekalan kelapa tempatan sehingga 50 peratus di beberapa pasar utama, termasuk di Lembah Klang.

Katanya, bagi menampung keperluan pasaran, FAMA melalui anak syarikatnya, FAMACO meningkatkan pembelian kelapa tua dari Indonesia kepada 320 metrik tan sebulan bermula Disember 2024 berbanding 180 metrik tan sebelum ini.

Aminuddin berkata, harga purata kelapa tua kini berada dalam lingkungan RM2.20 hingga RM2.93

sebagai di Semenanjung Malaysia.

Pada 23 Disember lalu, akhbar melaporkan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) bimbang dengan kenaikan harga kelapa yang mendadak di pasaran negeri ini sejak dua minggu lalu.

Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader berkata, ia dikenali pasti menerusi tinjauan di beberapa pasar yang mendapati harga kelapa naik secara berperingkat dari RM2 kepada RM2.50, dengan kelapa bersaiz besar mencecah RM3.30 setiap sebiji.

Dalam pada itu, Abd Rahim berkata, terdapat usaha mengimport kelapa tua dari Indonesia. Bagaimanapun beliau berkata kualiti kelapa tua Malaysia lebih baik berbanding Indonesia.


"Kos tinggi lepas itu ia punya kualiti kurang tak macam kelapa Malaysia. Tanyalah mana-mana orang, jawapannya kelapa kita masih yang terbaik dari segi ketahanan dan harga," katanya.

Abd Rahim berkata, kekurangan bekalan kelapa ini biasanya akan berlaku setahun sekali dan terutama musim hujan yang berterusan. Beliau berkata pada bulan Julai dan Ogos biasanya akan berlaku lambakan kelapa tua.

"Jadi pengusaha kelapa digalakkan untuk bersedia untuk menampung bekalan kelapa tua yang berkurangan," katanya.

Mengulas lanjut, Abd Rahim berkata harga terkini kelapa tua dianggarkan RM2.50 sebiji. Harga sedikit naik dalam 30 ke 40 peratus kerana sebelum ini harganya di antara RM1.80 ke RM1.90 sebiji.

Katanya lagi, keuntungan bersih yang diperolehi masa ini dalam bidang pengusaha kelapa adalah sebanyak RM100,000 sebulan.

"Namun sedikit merosot jika bekalan kelapa berkurangan. Biasa hantar lori ke pasar borong Selangor seminggu enam kali sekali tetapi buat masa ini tiga kali seminggu," katanya. 

# Replika makanan jadi sumber rezeki

**BERMODALKAN** tepung jagung, minyak masak, gam dan cuka, Rifasyariah Abdul Rashid berjaya menjana pendapatan hingga empat angka sebulan dengan menghasilkan replika makanan.

Menjadikan kraf itu sebagai sumber pendapatan utamanya sejak tiga tahun lalu, wanita ini hanya mengambil masa empat bulan untuk memahiri pembuatan replika makanan daripada rakan-rakan, sebelum ditambah baik dengan belajar sendiri.

Bercakap kepada Bernama ketika ditemui di rumahnya di Chenderong Balai, di sini baru-baru ini, Rifasyariah, 51, berkata setiap bulan beliau mampu meraih RM5,000 dan meningkat sekali ganda semasa musim perayaan hasil kegiatan itu.

Mahir dalam menghasilkan replika antaranya nasi ayam, rendang, biskut raya, kuih-muih,



RIFASYARIAH menunjukkan replika makanan yang berjaya dihasilkan.

sayur-sayuran, buah-buahan, cendol dan buah kelapa, suri rumah ini menjelaskan proses membuat replika itu tidak begitu sukar.

"Akan tetapi, ada beberapa replika yang agak renyah untuk dibuat seperti nasi, kerana setiap butir nasi perlu dibuat satu-satu dan

mengambil masa selama seminggu untuk menyiapkan sepinggan nasi," katanya, menambah replika terbabit dijual pada harga RM20 hingga RM1,000, bergantung pada saiz dan bentuk.

Berkongsi cara membuat kraf itu, beliau berkata kesemua bahan

termasuk cuka diadun dan diuli sehingga menjadi doh lembut seakan doh roti, sebelum disimpan di dalam bekas kedap udara agar dapat bertahan hingga enam bulan.

"Kita letak cuka bagi mengelakkan adunan daripada berkulat. Untuk buat replika, kita cuma bentukkan doh mengikut apa yang hendak kita hasilkan. Selepas itu diwarnakan menggunakan cat akrilik.

"Kebiasaannya pelanggan menempah menerusi aplikasi WhatsApp dan mereka sendiri yang perincian replika seperti saiz, warna dan sebagainya," kata Rifasyariah, menambah beliau pernah menghasilkan piramid makanan bersaiz besar yang ditempah oleh Hospital Kampar.

Katanya, kini beliau mempunyai ramai pelanggan tetap, antaranya Kementerian Kesihatan, sekolah, restoran dan juga orang

perseorangan yang menempah pelbagai jenis replika makanan untuk dijadikan bahan pameran dan promosi sesuatu produk.

Menerima tempahan dari seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak, wanita ini mengakui turut berdepan pelbagai kerenah pelanggan termasuk tidak berpuas hati dengan replika yang dihasilkan dan mahu kraf itu dibuat semula.

Katanya, replika makanan yang dihasilkan beliau dapat bertahan dalam tempoh lama asalkan kraf itu tidak terjatuh selain hanya perlu dilap dengan tisu basah apabila berhabuk.

"Saya enjoy dengan apa yang saya lakukan ini, kerana selain menjana pendapatan kegiatan ini juga mengisi masa saya yang hanya tinggal berdua dengan suami," katanya yang mahu meneruskan kegiatan itu selagi terdaya. - **BERNAMA**





# Bulan Membayar Cukai Taksiran DBKL

Sila bayar sebelum  
**28 FEBRUARI 2025**



Billar Code : 6981  
Ref-1 : No. Akaun Cukai Taksiran  
Ref-2 : No. Telefon

## Pembayaran Melalui

### Kaunter Bergerak DBKL

#### Lokasi 1

Isnin hingga Jumaat  
Bangunan Wisma Central, Jln Ampang

#### Lokasi 2 (Tanpa Tunai)

Isnin hingga Ahad  
Lotus Cheras Jalan Taman Indah





# TERSERLAHNYA SEBUTIR PERMATA BERHARGA

ZULKIFLI SULONG

“SEBAHAGIAN besar dana yang diterima oleh Bersatu antaranya sumbangan ikhlas yang tidak memerlukan balasan daripada Tan Sri Syed Mokhtar Albukhary. Kena tepuk kuat-kuat terutama orang Kedah.”



PENULIS BEBAS

Itulah kenyataan yang dibuat oleh Tan Sri Mahiaddin Md Yassin setahun lalu di dalam Mesyuarat Agung Tahunan Bersatu, Mac 2023.

Kenyataan itu kini menjadi perhatian ramai berikutan kenyataan yang dibuat oleh tokoh muda, Zamir Ghazali di dalam Wacana Sinar berkaitan

industri padi baru-baru ini.

Zamir membandingkan apa yang dibuat oleh Mahiaddin dengan apa yang dibuat Perdana Menteri (PM), Anwar Ibrahim untuk petani.

Mahiaddin umumkan Syed Mokhtar bagi banyak dana untuk Bersatu ketika beliau menjadi Perdana Menteri manakala PM Anwar pula berjumpa Syed Mokhtar untuk mendapatkan dana buat petani, dan beliau berjaya mendapatkannya.

Dalam kenyataan itu, Zamir memetik balik apa yang dikatakan Mahiaddin setahun lalu dalam perhimpunan agung tahunan Bersatu.

Zamir berkata demikian ekoran serangan seorang lagi panel dalam wacana itu iaitu ADUN Bersatu dari Kedah yang mempertikaikan usaha Kerajaan MADANI untuk membantu para petani.

Zamir yang juga Pengerusi Biro Pertanian Amanah mematahkan hujah ADUN Kota Siputeh (Bersatu), Mohd Ashraf Mustaqim berkenaan kebajikan para pesawah.

Katanya, selepas Anwar mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri pada 2022, beliau telah bertemu Tan Sri Syed Mokhtar Albukhary supaya memperuntukkan sebanyak RM10 juta kepada para pesawah padi miskin.

Anwar juga mengarahkan agar Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) menyalurkan sebanyak RM50 juta kepada



BERNAS bersama-sama kerajaan memastikan kebajikan pesawah terbelak.

pesawah seluruh negara pada 2023.

Kata Zamir, ia membuktikan bahawa Perdana Menteri bersungguh-sungguh menjaga kebajikan para pesawah, sekali gus menafikan dakwaan kononnya kerajaan cuba menganiaya golongan itu.

“Ketika mana Anwar menjawab jawatan PM sekarang, pertama yang dia pergi jumpa Tan Sri Syed Mokhtar. Ketika itulah ada persetujuan dapat RM10 juta yang pertama dan kemudian RM50 juta untuk diberikan kepada pesawah.”

“Sekarang gambaran yang cuba dibuat oleh YB kita ini, seolah kerajaan ini sengaja tak nak ambil tahu, tak nak buat libat urus, tak nak turun ke bawah, nak aniaya pesawah.”

“Kalau begitu situasi yang anda cuba nak sebutkan, kita kena tengok balik... PMX kita bila dia dapat sahaja jawatan

itu dia terus pergi jumpa dapatkan bajet dari BERNAS dan akhirnya Syed Mokhtar setuju, beri kepada pesawah.

“RM250 seorang melibatkan 240,000 lebih pesawah. Usaha yang tak pernah anda buat sebelum ini,” tegas Zamir.

Apa pula yang dilakukan oleh Mahiaddin ketika menjadi Perdana Menteri?

Secara terang-terangan Mahiaddin mengakui menerima dana daripada Syed Mokhtar tetapi bukan untuk pesawah, sebaliknya dimasukkan ke akaun parti.

“Kalau kita boleh buat perbandingan, seorang Perdana Menteri pergi jumpa Syed Mokhtar, minta duit daripada Syed Mokhtar, masuk bukan kepada pesawah, masuk kepada akaun parti. Haa itu berlaku.”

“Dengar balik daripada pengumuman

persidangan agung parti kamu dulu. Jadi kita boleh buat perbandingan terus.

“Seorang PM pergi jumpa tauke minta duit bagi pada pesawah. Seorang lagi pergi jumpa tauke minta duit masuk ke akaun parti. Hat mana lebih tolong pesawah dan tolong Melayu ini?” tambahnya lagi.

Melalui wacana ini, nama Zamir yang kini adalah CEO kepada MARDI Corp, sebuah anak syarikat MARDI, mula menyinar sebagai tokoh muda Amanah yang mempunyai masa depan cerah dan mampu berhujah dengan baik.

Zamir adalah pencetus syarikat GM Peladang Sdn Bhd yang berpangkalan di Kuala Terengganu, sebuah syarikat milik penuh bumiputera.

Ditubuhkan pada tahun 1998 dengan ladang fertigasi dan hidroponik secara komersial sehingga diberikan kelulusan Sijil Akreditasi Ladang Malaysia pada tahun 2004.

Syarikat ini juga telah mendapat persijilan sebagai Pusat Latihan Bertauliah JPK dan berstatus Ladang MyGAP.

Ekoran Wacana Sinar ini, nama Zamir gemerlapan di media sosial. Pelbagai komen positif yang diberikan pemain media sosial kepada Zamir.

“Bagus penerangan budak ni... bukan macam YB yang cuma tahu membuat naratif,” kata Sw67 ketika membuat komen di TikTok.

“Hantar dia seorang je, settle semua walaun,” kata 5ZAL pula.

“Zamir ni very goog debaters... full of facts... terciduk walaun, boleh main naratif sahaja, fakta semua auta,” kata pemilik *homestay* Kak Ina.

“Pehhhh, padu. Aku 1st time dengar full hujah... Memang terbaik... aku ingat dia kena ayam,” kata Rafgifted Empire ketika memberikan komen.

Itulah komen-komen orang ramai ekoran wacana ini. Kalau selama ini ramai yang mempertikaikan kekeringan pemimpin muda, kini Zamir membuktikan sebaliknya. Jika mereka diberikan peluang, sudah pastikan akan terserlah bakat mereka.

**SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.**

## ‘Ninja’ di simpang jalan



## Pengemis banyak wang

BIASA melihat ‘ninja’ di simpang-simpang jalan’ di lampu isyarat, berjualan buah potong? Pakaian seperti ninja menutup hampir keseluruhan muka kecuali mata. Adakala memakai cermin mata pula. Penampilan memang seperti ninja.

Panas terik bukan halangan untuk tekun berjualan, kerana itulah mereka berpakaian seperti ninja, untuk melindungi diri daripada panas. Jika hujan rintik mereka tidak peduli. Jika lebat baharulah mencari perlindungan.

Pemandangan ini sudah dianggap biasa dalam kesesakan di ibu kota. Bagi ninja kesesakan itu bagus. Masa inilah peluang untuk menghampiri kereta yang bergerak perlahan atau berhenti pada lampu isyarat.

Namun sebenarnya pihak berkuasa seperti polis atau penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah memberi ingatan kepada ninja untuk tidak

berjaja di jalan raya. Ini kerana perbuatan tersebut berbahaya kepada diri sendiri dan pengguna jalan raya lain.

Kegiatan mereka dibimbangi menambah kesesakan jalan terutama pada waktu puncak. Ninja ini pula sering melintas menyeberang jalan mempromosi jualan. Jika ada yang membeli, pergerakan lalu lintas boleh terhenti, menambah kesesakan.

Sebab itu pihak berkuasa turut mengingatkan orang awam agar tidak membeli daripada ninja, seolah-olah menggalakkan mereka terus berjaja. Sekarang sudah ada larangan pun tetapi mereka tetap berjaja.

Kawan-kawan Kedai Kopi ada ketikanya terasa ingin membeli atas rasa simpati. Namun mengingatkan peraturan pihak berkuasa, hasrat itu disimpang sahaja walau rasa kasihan mencuit hati.

PENGEMIS di Kuala Lumpur mampu memperoleh pendapatan purata RM20 sejam, lebih tinggi daripada pekerja separuh masa di rangkaian makanan segera yang dibayar dalam lingkungan RM8.50 sejam. Banyak rupanya wang pengemis.

Angka ini kawan-kawan Kedai Kopi petik daripada laporan media yang mana wartawannya melakukan siasatan secara menyamar jadi pengemis. Hasilnya, diketahui berapa jumlah diperoleh oleh pengemis yang ramai berkeliaran di bandar raya dalam masa sejam mengemis.

Jika sejam purata RM20 diperoleh, jika dalam sehari pengemis tersebut bekerja lima jam sahaja pun sudah memperoleh RM100. Dalam sebulan pendapatan boleh memecah sehingga RM3,000.

Jumlah ini jauh melebihi kadar gaji

minimum ditetapkan oleh kerajaan untuk para pekerja. Selain rakyat tempatan, ramai juga pengemis di Malaysia dari negara luar.

Kawan-kawan Kedai Kopi percaya kegiatan pengemis di negara ini berleluasa kerana pengemis tahu majoriti rakyat kita bersifat pemurah.

Malah pengemis asing dilapor mampu menghantar hasil mengemis kepada keluarga di negara asal. Apabila sampai tempoh tertentu, mereka mampu balik ke kampung halaman berehat. Selepas itu datang kembali untuk meneruskan aktiviti mengemis.

Sifat pemurah rakyat Malaysia wajar bertempat untuk tidak menggalakkan kegiatan mengemis. Pihak berkuasa pula mesti tegas, terutama terhadap pengemis luar. Hantar pulang segera. Jangan biar mereka ambil kesempatan.





*Lindungi*  
**DATA PERIBADI**  
Hindari **PENIPUAN DALAM TALIAN**

Pada era digital, penipuan dalam talian semakin berleluasa dengan pelbagai taktik licik. Ramai menjadi mangsa akibat kurangnya kesedaran dan kewaspadaan. Kempen ini mengajak masyarakat untuk lebih berhati-hati dalam berkongsi maklumat peribadi dan membuat transaksi kewangan. Lindungi diri anda dengan sentiasa menyemak kesahihan sebelum bertindak!





Perlu kerjasama untuk mencapai kemajuan Labuan

# TERAP KONSEP KEKITAAN

KHAIRUL IDIN

**D**ALAM usaha memacu Labuan sebagai sebuah Wilayah Persekutuan (WP) maju, mampan serta sejahtera, kerjasama antara semua pihak amat diperlukan bagi mencapai matlamat menerusi pelbagai perancangan yang telah digaris oleh kerajaan.

Pengerusi Perbadanan Labuan (PL), **Tan Sri Anifah Aman** berkata, untuk mencapai matlamat tersebut semua pihak khususnya agensi kerajaan dan swasta di pulau ini harus menerapkan konsep kekitaan yang bertepatan dengan tema Wilayah Persekutuan tahun ini.

Katanya, semua pihak perlu bertanggungjawab dalam usaha memajukan serta mensejahterakan pulau itu khususnya dalam pembangunan infrastruktur serta sosioekonomi.

"Labuan pada tahun ini telah genap mencapai usianya 41 tahun sebagai Wilayah Persekutuan sejak diisytiharkan pada 16 April 1984. Memasuki usia 41 tahun sememangnya disifatkan sebagai suatu tempoh peralihan kepada suatu era baharu yang lebih berkeyakinan dan penuh kebijaksanaan.

"Menyedari hakikat ini, maka sudah sewajarnya Labuan beralih ke fasa yang lebih progresif. Semua ini memerlukan pembentukan dasar yang berpandangan jauh, perancangan yang strategik dan

jalinan kerjasama yang utuh dalam kalangan semua pihak yang terlibat, baik di sektor kerajaan, mahupun di swasta dan individu," katanya pada Majlis Makan Malam Bersama Pengerusi Perbadanan Labuan, baru-baru ini.

Hadir sama Timbalan Pengerusi PL, Simsudin Sidek dan Ketua Pegawai Eksekutif PL, Mohd Sukuran Taib.

Tambahnya, beliau selaku Pengerusi PL bertanggungjawab dalam memastikan kemakmuran dan kesejahteraan di pulau ini dapat dicapai serta dikecapi oleh seluruh warga penduduknya.

Katanya, usaha dan perancangan yang telah disusun atur tidak dapat dilaksanakan kerana beliau tidak berkemampuan untuk bergerak sendiri dalam mencapai matlamat itu.

"Kerana itulah saya amat memerlukan kerjasama dan kesepakatan daripada semua pihak dalam mencapai hasrat tersebut. Oleh itu, amat penting untuk kita memupuk jalinan kerjasama yang erat dalam kalangan kita semua agar segala agenda pembangunan yang telah dirangka dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna," katanya.

Mengulas lanjut, Anifah turut menegaskan semua pihak khususnya agensi dan jabatan pelaksanaan termasuklah PL untuk memastikan kesediaan



ANIFAH




ANIFAH (depan, kanan) beramah mesra bersama para pemimpin masyarakat dan ketua agensi pada Majlis Makan Malam Pengerusi Perbadanan Labuan.

dalam mencari kaedah yang lebih berkesan untuk memudahkan urusan dan perkhidmatan kepada rakyat, termasuk para pelabur baik dari dalam mahupun luar negara.

Katanya, segala input yang diperoleh melalui sesi-sesi libat urus

yang telah dilaksanakan hendaklah diambil kira dalam memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dan pihak-pihak luar yang lain.

"Saya amat yakin bahawa hasrat dan harapan untuk menjadikan WP

Labuan sebagai sebuah wilayah yang mampan, maju dan sejahtera akan dapat direalisasikan sekiranya semua pihak memainkan peranan dan fungsi masing-masing dengan berkesan," katanya. 

## PEKB perkasa ekonomi miskin bandar



SITI NORARSYARA (tengah) menyampaikan sijil penyertaan kepada peserta PEKB peringkat Labuan.

**D**ALAM usaha memperkasa ekonomi golongan berpendapatan rendah (B40) dan miskin bandar di pulau ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) meneruskan penganjuran Program Pemerikasaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB).

Program selama tujuh hari itu dilaksanakan oleh badan bukan kerajaan (NGO), Mahabbah Malaysia yang dilantik KPKT dalam memberikan latihan dan kursus keusahawanan kepada 40 peserta yang terpilih.

Menurut Penolong Ketua Setiausaha KPKT, **Siti Norarsyara Ayob**, PEKB adalah salah satu program di bawah KPKT yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan bandar menerusi latihan keusahawanan melibatkan golongan berpendapatan rendah di bandar.

Katanya, pada tahun ini KPKT telah memperuntukkan sejumlah RM11 juta bagi pelaksanaan Program PEKB yang menyasarkan seramai 1,060 peserta berdaftar dan

disahkan dalam sistem e-Kasih yang akan dilatih untuk menjadi usahawan PEKB.

"KPKT melalui Mahabbah berjaya melatih 40 peserta di Labuan pada tahun ini dalam bidang makanan yang mana pihak kami melihat bidang makanan di sini memiliki potensi besar untuk dimajukan kerana permintaan yang tinggi.

"Selain itu, kesemua peserta yang mengikuti PEKB ini juga diberikan bantuan peralatan perniagaan sebagai penyuntik semangat untuk menjalankan perniagaan mereka.


"Usaha ini bukan sahaja dapat memberikan peluang kepada golongan rentan untuk meningkatkan taraf hidup mereka, tetapi juga mampu merealisasikan aspirasi Kerajaan MADANI dalam membangunkan sebuah masyarakat yang inklusif, sejahtera dan mampan," katanya pada pemberita selepas merasmikan Majlis Penutupan PEKB peringkat Labuan, baru-baru ini.

Sementara itu, Pengerusi

Mahabbah Malaysia, Dr Azzah Muyassarrah Asat berkata, industri makanan menjadi fokus PEKB selepas mendapati ia berpotensi untuk dikembangkan sekali gus membantu menjana pendapatan para peserta.

Katanya, pemilihan bidang kursus keusahawanan itu dilakukan pihaknya berdasarkan penelitian bersama agensi-agensi berkaitan termasuk Perbadanan Labuan untuk memastikan kursus itu dapat memberikan manfaat yang besar kepada peserta.

"Pada tahun lalu, peserta di sini diberikan kursus dalam bidang jahitan dan kali ini kami mahu yang berlainan dan apa yang kami lihat potensi yang besar adalah industri makanan.

"Selepas PEKB ini, kami juga akan melaksanakan pemantauan aktiviti perniagaan mereka selama enam bulan bagi memastikan peserta dapat menjana pendapatan sekurang-kurangnya RM600 sebulan," katanya. 



# 250 pelajar terima bantuan PPj

**DALAM** usaha meringankan beban keluarga asnaf dan golongan berpendapatan rendah (B40) di Putrajaya, pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) tampil membantu melalui Program 'Back to School' sempena Hari Terbuka Putrajaya pada Khamis lalu.

Seramai 250 orang pelajar dari sekolah rendah dan menengah menerima bantuan persekolahan dalam satu Majlis Penyampaian Bantuan Jom Balik Sekolah bertempat di Dewan Seri Siantan, Kompleks PPj, Presint 3, Putrajaya.

Menurut Presiden PPj, **Datuk Fadlun Mak Ujud**, pemilihan penerima dibuat berdasarkan keperluan yang diuruskan melalui sistem e-Kasih dan kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), dengan mengambil kira pendapatan per kapita keluarga yang kurang daripada RM600 sebulan.

"Program ini bertujuan untuk memberi sokongan kepada pelajar-pelajar yang memerlukan bagi memastikan mereka dapat memulakan tahun persekolahan dengan penuh semangat.

"Ia juga merupakan simbolik komitmen

kerajaan untuk terus memastikan kesejahteraan rakyat, terutamanya golongan yang kurang bernasib baik.

"Baucar bernilai RM100 diserahkan kepada setiap penerima yang boleh digunakan untuk membeli kelengkapan sekolah, pakaian seragam, beg sekolah dan lain-lain," katanya.

Beliau berkata, bantuan ini bukan sahaja bertujuan untuk meringankan beban kewangan ibu bapa, tetapi juga sebagai motivasi kepada pelajar agar lebih bersemangat untuk menghadiri sekolah, sekali gus membangkitkan harapan dan cita-cita mereka untuk berjaya dalam pendidikan.

"Program sumbangan ini adalah sebahagian daripada inisiatif Program Ihsan @ PUJI 2025, yang bertujuan untuk menyediakan bantuan yang lebih menyeluruh dan berterusan kepada golongan yang memerlukan.

"Diharapkan bahawa usaha ini dapat memberi impak positif dalam mempersiapkan anak-anak kita untuk menghadapi cabaran di alam pendidikan dan kehidupan.



**MENTERI** di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa menyampaikan bantuan kelengkapan persekolahan kepada pelajar.

"PPj akan terus berusaha untuk membantu golongan kurang bernasib baik melalui pelbagai program yang

bertujuan memperkasa masyarakat serta meningkatkan kesejahteraan rakyat di Putrajaya," katanya.

## Pemantauan setiap hari sepanjang Ramadan

# AMARAN BUAT PENIAGA BAZAR

SABRINA SABRE

**PENIAGA** bazar Ramadan Putrajaya diingatkan supaya menyediakan dan menjual makanan selepas pukul 3 petang jika tidak mahu berdepan tindakan penguatkuasaan.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), **Datuk Fadlun Mak Ujud**, langkah tersebut bertujuan untuk menjaga kualiti jualan bagi mengelak daripada cepat rosak sehingga menyebabkan keracunan makanan.

"PPj mempunyai pasukan pemantau yang cukup kuat dan akan mengadakan pemantauan pada setiap hari di semua gerai jualan bagi memastikan makanan

selamat untuk dimakan.

"Peniaga juga dinasihatkan untuk sentiasa menjaga kebersihan, tidak menjual makanan dengan harga yang tinggi dan mengamalkan kempen tiada beg plastik.

"PPj sudah selesai membuat pemilihan peniaga membabitkan kira-kira 800 lot di empat tapak bazar Ramadan tahun ini," katanya pada Majlis Pelancaran Karnival Sukan sempena Sambutan Hari



FADLUN

Wilayah Persekutuan 2025.

Tahun ini, Fadlun berkata, pihaknya menyediakan sebanyak 260 lot jualan makanan, manakala 300 lot di Anjung Syawal menjual barangan kelengkapan Aidilfitri termasuk satu bazar Ramadan baharu di Taman Warisan Pertanian, Presint 16.

"Empat tapak bazar Ramadan disediakan di Putrajaya tahun ini bagi memberi keselesaan dan memudahkan warga setempat.

"Sebelum ini, tapak sedia ada terletak di Presint 3, 11 dan 14 manakala untuk tahun ini terdapat tambahan iaitu di Taman Warisan Pertanian, Presint 16.

"Tahun ini hampir 800 lot disediakan termasuk 260 bagi jualan makanan dan 300 di Anjung Syawal. Kami sudah selesai memberikan lesen kepada peniaga secara pemilihan langsung," katanya.

Mengulas mengenai aspek pemantauan, beliau berkata, pada

tahun ini PPj akan bekerjasama dengan agensi lain termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi memastikan tiada kehadiran individu yang mengemis.

"Dalam masa sama, PPj turut memberi amaran kepada pengemis supaya tidak melakukan aktiviti di bazar Ramadan dan akan diambil tindakan jika dikesan berbuat demikian," katanya.



**PENIAGA** bazar Ramadan Putrajaya berdepan tindakan jika menyiapkan jualan sebelum pukul 3 petang.

### TAWARAN PENYEWAAN

## TAPAK BAZAR RAMADAN PUTRAJAYA 2025

SILA HUBUNGI BORANG PERMOHONAN DI SINI:

<https://shorturl.at/ol9mml>

**KRITERIA PERMOHONAN (SYARAT KHUSUS)**

1. Pemohon dan pasangan (suami/isteri) mestilah warganegara Malaysia berumur 18 hingga 60 tahun.
2. Telah mendaftar perniagaan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
3. Hanya satu permohonan dibenarkan untuk satu keluarga
4. Pemohon mestilah peniaga sepenuh masa
5. Pemohon dan pasangan (suami/isteri) mestilah tiada sebarang kompaun/tunggakan
6. Pemohon hendaklah mendapatkan suntikan Thypoid.
7. Mempunyai Sijil Pengendalian Makanan

**UNTUK PERTANYAAN DAN KETERANGAN LANJUT, HUBUNGI: EN. AHMAD - 017-2767013 PN. IRA - 018-3794550**

**LOKASI BAZAR RAMADAN**

**TAMAN WARISAN PERTANIAN PRESINT 16, PUTRAJAYA**

ANJURAN



Pelaburan jangka panjang

# BENTUK MASYARAKAT SIHAT

METRA SYAHRIL MOHAMED

**P**ROGRAM membudayakan hidup sihat khususnya melalui sukan merupakan pelaburan jangka panjang bagi membentuk masyarakat yang lebih sihat.

Perkara itu ditegaskan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** merujuk kepada laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023 apabila 54.4 peratus rakyat mengalami berat badan berlebihan.

Jelasnya, rekod itu meningkat tiga peratus berbanding laporan NHMS sebelumnya.

"Kerana itulah saya selalu tekankan tentang program pembudayaan hidup sihat ini.

"Ini adalah satu pelaburan jangka panjang untuk kita membentuk masyarakat yang lebih sihat, mengurangkan kebergantungan kepada kos kesihatan negara serta secara tidak langsung akan meningkatkan produktiviti rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyempurnakan perasmian Karnival Sukan Sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2025 di Kompleks Futsal Presint 18, Putrajaya baru-baru ini.

Turut hadir Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan, Datuk Indera Noridah Abdul Rahim; Pengerusi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, Datuk Mohd Nasir Ali dan Pengarah Majlis Sukan Wilayah



**ZALIHA** beramah mesra dengan sebahagian atlet yang menyertai Karnival Sukan di Kompleks Futsal Presint 18.

Persekutuan, Nik Ahmad Zahiruddin Nik Saleh.

Zaliha berkata, penganjuran karnival sukan itu secara asasnya boleh menjadi program serampang dua mata, iaitu selain memupuk pembudayaan sihat tersebut, ia menjadi medan mengenal pasti bakat-bakat baru yang boleh dilatih dan dibentuk sebagai atlet Wilayah Persekutuan, khususnya atlet-

atlet muda untuk diketengahkan ke Sukan Malaysia (SUKMA) di Selangor pada tahun depan.

Katanya, Wilayah Persekutuan sememangnya menjadi pesaing sengit kepada semua kontinjen.

"Kalau tahun lepas, kita di kedudukan kedua, tahun depan di Selangor, kita kena jadi juara. Kita juga perlu meluaskan pencarian bakat, tidak hanya bergantung

kepada pemantauan persatuan sukan. Saya percaya ramai bakat muda yang masih belum dikenali, dan inilah peluang mereka untuk menyerlah," jelasnya.

Beliau menambah sukan juga merupakan satu industri yang menjaga ekonomi.

Beliau mengambil contoh pelancongan sukan yang menyumbang kira-kira RM5 bilion


setahun kepada ekonomi negara.

"Ini bermakna pelancongan berasaskan sukan ini ada sasaran kumpulan mereka yang tersendiri. Kerana itu, di Wilayah Persekutuan, saya selalu sebutkan tentang industri ini, khususnya di Labuan.

"Alhamdulillah, di Labuan tahun lepas kita ada Labuan International Sea Challenge (LISC) yang juga menarik pengunjung dari luar negara, namun saya rasa kita perlukan promosi yang lebih mega untuk menjadikan kita lebih signifikan dalam menyumbang kepada sektor ini.

"Contoh lain, baru-baru ini pada Larian Hari Wilayah Persekutuan 2025, kita berjaya menarik hampir 10,000 penyertaan. Saya yakin, melalui pengukuhan acara-acara sukan yang berprestij ini, Wilayah Persekutuan bukan sahaja boleh meningkatkan penyertaan rakyat dalam aktiviti sukan, tetapi juga dapat membantu sektor-sektor sokongan seperti perhotelan, makanan dan industri sokongan yang lain," katanya.

Terdahulu hampir 3,000 peserta memeriahkan Karnival Sukan Sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2025 dengan enam sukan dipertandingkan di Putrajaya iaitu futsal, bola jaring, kabaddi, taekwondo, pushbike dan e-sports.

Ia turut diadakan di Kuala Lumpur dan Labuan. 

## Pacu pembaharuan pasukan bola sepak negara

**KEPIMPINAN** Presiden Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM), Datuk Mohd Joehari Mohd Ayub dilihat mampu membawa perubahan positif kepada pasukan negara.

Menteri Belia dan Sukan, **Hannah Yeoh** berkata, Mohd Joehari bersama seluruh jawatankuasa baharu mampu meningkatkan prestasi pasukan Harimau Malaya termasuk Malayan Tigress dan Harimau Muda sehingga peringkat akar umbi.

"Saya yakin Datuk Joe (Mohd Joehari) akan meneruskan kerja yang telah dimulakan oleh Tan Sri Hamidin Mohd Amin untuk menaikkan ranking pasukan Harimau Malaya.

"Kita mahu semua menunjukkan peningkatan," katanya.

Mohd Joehari diumumkan sebagai Presiden FAM yang baharu pada Sabtu bagi menggantikan Hamidin yang tidak mempertahankan jawatan yang disandangnya sejak tahun 2018.


Sementara itu, Hannah berkata, pihaknya turut memberi sokongan kepada FAM untuk bekerjasama dengan Konfederasi Bolasepak Asia (AFC) serta Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA) dalam Program Pembangunan Bola Sepak Negara (NFDP).

"FAM dan Kementerian Belia dan Sukan



**MOHD JOEHARI** secara rasmi dilantik sebagai Presiden FAM selepas menang tanpa bertanding pada Kongres Tahunan ke-61 FAM.

merupakan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi untuk NFDP. Kita juga meminta bantuan AFC untuk membuat penilaian bagi menilai keberkesanan program sedia ada supaya kita boleh melakukan penambahbaikan.

"FIFA banyak membantu FAM dan saya rasa ini adalah masa yang sesuai untuk kita bekerjasama dan tidak membiarkan FAM bekerja sendiri. Suka atau tidak, bola sepak merupakan sukan paling popular dalam kalangan rakyat Malaysia," katanya. 


## Alia pecah rekod Asia

**PENEMBAK** berpengalaman negara, Alia Sazana Azahari bukan sahaja berjaya membidik emas malah memecahkan rekod Asia dalam acara 25 meter (m) pistol wanita pada Kejohanan Rife/Pistol Piala Asia 2025 di Bangkok baru-baru ini.

Pada pusingan final di Lapang Sasar Menembak SAT, Alia Sazana membidik 44 hit daripada keseluruhan 50 sasaran, sekali gus memadam rekod Asia iaitu 41 hit yang dicipta oleh penembak Korea Selatan, Yang Jiin, pada Kejohanan Menembak Asia 2024 di Jakarta.

Pingat perak menjadi milik penembak Korea Selatan, Lee Siyoon dengan catatan 32 hit manakala Teh Xiu Yi dari Singapura menamatkan podium selepas mencatatkan 28 hit untuk memenangi pingat gangsa.

Ini adalah emas kedua Malaysia dalam kejohanan itu selepas Nurul Syasya Nadiyah Mohd Arifin mendominasi acara 10m air pistol wanita dengan 239.3 mata, pada 13 Februari lalu.

Kejohanan yang bermula pada 9 Februari ini berlangsung sehingga 22 Februari. 



# KETABAHAN CHE TA JADI INSPIRASI

**R**OZITA Che Wan, 52, atau **Che Ta** dipuji dan menjadi inspirasi ramai warganet apabila tenang berhadapan pelbagai dugaan sejak bergelar anak seni.

Misalnya baru-baru ini, Che Ta tidak mudah melatah atau 'meroyan' dengan tidak menutup ruangan komen dalam akaun media sosial miliknya, susulan kontroversi hutang Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Malah, menerusi Instagramnya, Che Ta lebih tabah dan menyerahkan segala urusan kepada Yang Maha Pencipta.

"Dalam hidup ini, kita tidak berhenti untuk diuji dan apa yang berlaku pasti ada hikmahnya. Apapun yang berlaku, kita luah dan kembali kepada Allah. Minta segalanya daripada Dia.

"Dalam masa yang sama, kita hidup dalam demokrasi. Setiap orang berhak bersuara. Walaupun mereka nak bercakap fasal saya sedangkan tak tahu sisi saya yang lain, terpulang kepada mereka.

"Bagi saya, itu hak mereka untuk bercakap fasal saya. Kalau kita tutup

komen, orang nampak kita bersalah sedangkan saya tidak buat salah dengan sesiapa.

"Cuma mungkin apabila mereka tengok ada kebenaran, baru mereka akan sedar dan ingat apa yang pernah dikatakan sebelum ini. Saya sendiri pun tak nak menegakkan benang yang basah," katanya.

Dalam pada itu, Che Ta akui setiap apa yang dilalui perlu bersertakan kesabaran dan jalani hidup dengan tenang. Katanya, dia tidak mampu menghalang cakap-cakap orang.

"Saya rasa kalau tak tahu kebenarannya, memang mereka akan terus bercakap. Samalah macam kita pun apabila mengetahui sesuatu isu yang belum sah.

"Saya okay saja orang nak cakap apapun. Malah netizen-netizen inilah yang sekarang datang memberi semangat. Saya yakin selagi orang tak tahu kebenarannya, mereka akan terus bercakap.

"Cuma tiada satu pun hantaran di media sosial saya tutup ruangan komen,

sebaliknya saya teruskan kehidupan seperti biasa dan lakukan aktiviti seharian saya dengan bisnes dan keluarga," katanya.

Dalam masa sama, Che Ta tidak tahu sekiranya dia mempunyai musuh sehingga mungkin ada pihak cuba menjatuhkannya dengan isu yang sedang hangat diperkatakan di media sosial.

"Saya tak tahu. Kalau nak kata saya kenal orang kenamaan, saya tidak ada. Saya tak tahu ada musuh atau tidak. Tapi kawan sendiri pun mungkin boleh jadi musuh kita? Cuma saya tak tahu," katanya.

Pada 10 Disember lalu, kediaman Che Ta di Kota Damansara, Petaling Jaya dilaporkan diserbu MARA bersama peguam dan wakil mahkamah berikutan dakwaan gagal melunaskan pinjaman bernilai hampir RM1 juta.



Bagaimanapun aktres itu dalam satu pertemuan memaklumkan sudah bebas hutang dengan agensi berkenaan.

# Sharifah Rose lebih berhati-hati

**SEBAGAIMANA** artis-artis lain, pelakon **Sharifah Rose**, 26, juga tidak terlepas daripada dugaan hidup, apatah lagi umurnya yang masih muda.

Bagi Rose atau nama sebenarnya Sharifah Rose Sabrina Syed Mohd Mazfira, apapun yang berlaku, ibunya, Noraini Dahlan, adalah insan terbaik menjadi tempat mengadu dan meluahkan masalah.

Misalnya baru-baru ini, Rose akui berasa kecewa kerana rakan kongsinya tidak mahu menyambung kontraknya selepas tiga tahun, menerusi jenama tudung Harirose yang turut diusahakannya.

"Saya dan ibu selaku pengurus sudah cuba untuk berbincang secara baik dengan rakan kongsi untuk sambung kontrak tetapi gagal.

"Kami tidak dapat kata sepakat dan ada beberapa isu yang tidak capai persetujuan membabitkan kedua-dua belah pihak," katanya.

Dalam masa yang sama, Rose belum memikirkan soal tindakan undang-undang.

"Saya juga ikut nasihat ibu supaya mengambil pengajaran dan lebih berhati-hati memilih rakan kongsi bisnes selepas ini. Saya akan mulakan proses untuk buat jenama baru pada tahun ini," katanya.

Menurut Rose, rasa kecewa dan terkilan itu sangat dalam kerana memulakan bisnes tersebut dari awal.

"Sebagai rakan kongsi bisnes dan salah seorang ahli lembaga pengarah, pasti saya nak sambung kontrak sebab sayang dengan nama Harirose yang juga jenama pertama.

"Saya sudah turun dan naik bersama jenama itu. Malah, saya juga tidak ambil tawaran berlakon setiap kali raya untuk fokus pada jenama berkenaan.

"Tapi rakan kongsi tidak mahu sambung kontrak dengan alasan dia tidak boleh nak bayar saya serta anggap jenama itu tidak menguntungkan," katanya.



# Fitri Haris mahu terus berdakwah

**DAKWAH** menerusi lagu adalah salah satu cara untuk menyampaikan mesej melalui seni muzik. Itulah matlamat sebenar **Fitri Haris** bersama kumpulan nasyidnya, UNIC apabila menceburi bidang seni.

"Saya mahu terus berdakwah menerusi lagu-lagu nasyid. Dari dulu lagi, rasa tanggungjawab ini tak pernah padam.

"Kita tahu manusia sukakan lagu dan menghabiskan masa mendengar dan menghayati liriknya," katanya ketika ditemui sejurus malam kemuncak Anugerah Carta 114 di Kompleks Pusat Islam, Kuala Lumpur.

Apa yang istimewa, lagu berjudul Sirih Pulang Ke Gagang, hasil ciptaan Akmal Mustafa dan Aniq Muhai yang dipersembahkan oleh UNIC dinobatkan sebagai Lagu Terbaik pada Anugerah Carta 114 musim kedua sekali gus membawa pulang hadiah utama RM20,000.

Selain hadiah utama, UNIC yang turut dianggotai Bazli dan Fakhrul merangkul Anugerah Vokal Terbaik dan memenangi wang tunai RM10,000.

"Jujurnya perasaan kami bercampur-baur dan tak percaya. Kami bersatu buat pertama kali malam itu kerana masing-masing ada komitmen lain.

"Malah saya sendiri baru sampai dari United Kingdom dan sudah tentulah sesi latihan kami dilakukan secara berasingan.

"Bagi kami, ini rezeki-Nya. Kami sempat berlatih sama dalam kereta. Apapun, mungkin inilah bukti 23 tahun keserasian yang dapat kami capai walau tidak bersama," ujarnya.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Operasi TV AlHijrah, Puan Nadzariah Mohamed berkata, tujuan Anugerah Carta 114 diadakan adalah untuk memartabatkan industri nasyid dan secara tidak langsung menyampaikan dakwah kepada orang ramai.





Bentuk masyarakat sihat >>22

Ketabahan Che Ta jadi inspirasi >>23



Rejab, Syaaban dan Ramadan latih jiwa

# PESTA IBADAH UMAT ISLAM

MUHAMMAD ILHAMUDDIN ARSAD & DR SITI AISYAH SAMUDIN

**R**AMADAN merupakan bulan yang paling mulia dan penuh keberkatan, namun bulan sebelumnya, Rejab dan Syaaban juga tidak kurang pentingnya kerana kedua-duanya memberi ruang kepada umat Islam untuk meningkatkan amal ibadah.

Menurut Pensyarah Fakulti Undang-Undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Islam Melaka (UIM), Muhammad Ilhamuddin Arsad, umat Islam disarankan untuk mengandakan amalan sebagai usaha memperbaiki diri dan mempersiapkan rohani dan jasmani berikutan ia merupakan waktu yang sangat penting dalam menyiapkan umat Islam untuk menyambut Ramadan.

“Bulan Rejab sebagai contoh, memberi senggang waktu kepada umat Islam mempersiapkan diri secara rohani sebelum kedatangan Ramadan.

“Sebagaimana bulan haram dalam kalendar Islam, bulan Rejab mengingatkan umat Islam untuk menjaga diri daripada dosa dan kemaksiatan serta memperbanyakkan amalan ibadah. Ini adalah masa untuk memperbaharui niat, membersihkan hati dan mensucikan jiwa,” katanya.

Beliau berkata, peristiwa Israk dan Mikraj yang berlaku pada 27 Rejab yang bersejarah itu menceritakan Nabi Muhammad SAW melakukan perjalanan malam yang luar biasa ke langit.

“Peristiwa ini menunjukkan betapa besar kedudukan bulan Rejab dan juga mengingatkan umat Islam tentang kepentingan solat sebagai tiang agama serta mengingatkan kita untuk memperbanyakkan solat dan menjaga kesucian dalam melaksanakan ibadah,” katanya.

Muhammad Ilhamuddin berkata, bulan Syaaban pula merupakan kemuncak sebelum kedatangan Ramadan dan berfungsi sebagai bulan persediaan untuk menghadapi bulan suci.



AMALAN berpuasa pada bulan Syaaban latihan penting untuk mempersiapkan tubuh dan jiwa sepanjang Ramadan.

“Terdapat banyak hadis yang menunjukkan bahawa Nabi Muhammad SAW memberikan perhatian yang besar kepada Syaaban, antara lain dengan memperbanyakkan puasa pada bulan ini.

“Dalam sebuah hadis, daripada Usamah bin Zaid RA, beliau berkata: ‘Wahai Rasulullah, aku tidak pernah melihat engkau berpuasa dalam satu bulan sebagaimana engkau berpuasa di dalam bulan Syaaban?’. Nabi SAW bersabda: ‘Itu adalah bulan yang mana manusia sering lalai akannya iaitu bulan yang berada di antara Rejab dan Ramadan. Bulan tersebut adalah bulan yang diangkat amalan kepada Rabb al-Alamin (Allah SWT), maka aku suka ketika amalanku diangkat dalam keadaan aku sedang berpuasa.’ (Hadis riwayat al-Nasa’ie),” katanya.

Justeru itu, ujarnya, amalan berpuasa pada bulan Syaaban

adalah latihan penting untuk mempersiapkan tubuh dan jiwa dalam menghadapi kewajipan puasa sepanjang Ramadan.

“Kedatangan Syaaban memberikan peluang bagi umat Islam untuk mempertingkatkan ketahanan fizikal serta rohani menjelang Ramadan,” katanya. Bagi Pensyarah Kanan di Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM), Dr Siti Aisyah Samudin, selain berpuasa, bulan Rejab dan Syaaban adalah masa yang baik untuk memperbanyakkan ibadah lain seperti membaca Al-Quran, berdoa dan bersedekah sekali gus menguatkan hubungan dengan Allah dan membersihkan diri daripada dosa-dosa kecil yang dapat menghalang keberkatan Ramadan.

“Rejab dan Syaaban juga memberi peluang untuk kita memperbaiki hubungan dengan Allah. Setiap

amal ibadah yang dilakukan dengan niat yang ikhlas akan membawa kepada pembersihan hati dan peningkatan keimanan, yang sangat penting untuk menyambut Ramadan dengan penuh keikhlasan dan kesediaan.

“Umat Islam disarankan untuk memperbaiki segala kekurangan dalam ibadah mereka dan bersedia menerima datangnya Ramadan dengan hati yang bersih dan jiwa yang penuh dengan ketakwaan,” katanya.

Siti Aisyah berkata, amalan berpuasa sunat dalam kedua-dua bulan itu membantu mempersiapkan tubuh dan jiwa untuk menjalani ibadah puasa yang lebih panjang di dalam bulan Ramadan.

“Dengan latihan puasa dalam bulan-bulan ini, umat Islam dapat menghadapi Ramadan dengan lebih mudah dan bersemangat.

“Amalan sunat seperti

memperbanyakkan ibadah, berzikir, berdoa dan bersedekah juga dapat membantu umat Islam menghapuskan dosa-dosa kecil dan mempersiapkan diri untuk menerima Ramadan dengan keadaan yang lebih suci dan lebih dekat kepada Allah,” katanya.

Menurut Siti Aisyah, syariat Islam yang wujud dalam perundangan syariah negara turut sama-sama menguatkuasakan peruntukan bagi menjaga kehormatan Ramadan.

“Seksyen 15 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559] sebagai contoh memperuntukkan dikenakan kesalahan tidak menghormati Ramadan.

“Terma tidak menghormati Ramadan dalam seksyen ini, boleh menyebabkan orang Islam yang sengaja makan di tempat awam pada bulan Ramadan, walaupun mempunyai alasan syarak untuk tidak berpuasa masih boleh didakwa atas kesalahan yang boleh dikenakan denda atau hukuman penjara,” katanya.

Tambah beliau, amalan berpuasa bukan sekadar menahan lapar dan dahaga tetapi juga melatih jiwa agar patuh kepada perintah Allah SWT.

“Pelanggaran kewajipan puasa boleh dianggap sebagai penghinaan terhadap agama Islam. Dalam masa yang sama, hikmah puasa turut membentuk keperibadian mulia seperti kesabaran dan pengendalian emosi,” katanya.

Ujar beliau, Rejab, Syaaban dan Ramadan adalah peluang besar bagi umat Islam meningkatkan amalan serta mendekatkan diri kepada Allah dan undang-undang syariah di Malaysia menyediakan kerangka yang jelas bagi memastikan keharmonian antara pelaksanaan hukum agama dan kehidupan bermasyarakat,” katanya.

Setiap artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.